

TERMA DAN SYARAT UMUM YANG DITERIMA PAKAI BAGI SEMUA AKAUN DEPOSIT/PRODUK/PERKHIDMATAN ISLAMIK

Terma dan Syarat Umum (TSU) yang berikut hendaklah terpakai bagi semua akaun depositori serta kemudahan dan perkhidmatan perbankan lain di Affin Islamic Bank Berhad [No. Syarikat: 200501027372 (709506-V)] (kemudiannya dipanggil "Bank").

Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat TSU ini. Sekiranya terdapat terma dan syarat di dalam TSU ini yang tidak Pelanggan fahami, Pelanggan dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan bebas dan/atau berbincang lebih lanjut dengan wakil Bank.

1 Umum

- 1.1 TSU berikut hendaklah diguna pakai kepada akaun deposit Bank dan beberapa kemudahan dan perkhidmatan perbankan.
- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada tunggal hendaklah termasuk majmuk dan yang sama terpakai secara terbalik (dan begitu juga sebaliknya); dan jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin dan jantina neutral dan yang sama terpakai secara terbalik (dan begitu juga sebaliknya).
- 1.3 Di mana terdapat dua atau lebih individu yang terkandung dalam istilah "Pelanggan", ia hendaklah merujuk kepada semua arahan, perjanjian dan kewajipan yang dikeluarkan oleh dan mengikat individu-individu tersebut secara bersama-sama dan berasingan. Pihak Bank boleh bertindak atas notis atau arahan oleh sesiapa daripada mereka sedemikian tanpa pertanyaan. Apa-apa notis yang diberikan oleh pihak Bank kepada mana-mana individu tersebut adalah notis yang mencukupi kepada semua pemegang akaun. Sekiranya Pelanggan melantik Pengguna Yang Dibenarkan, semua rujukan kepada "Pelanggan" juga akan merujuk kepada Pengguna Yang Dibenarkannya.
- 1.4 Rujukan kepada masa sehari hendaklah dianggap sebagai merujuk kepada masa Malaysia dan merujuk kepada mana-mana undang-undang termasuk apa-apa pindaan kepada undang-undang.
- 1.5 Produk-produk deposit dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
- 1.6 "Pelanggan" juga merujuk kepada individu yang masih hidup, wakil peribadi, pengganti hakmilik atau penerima serah hak Pelanggan.

2 Pembukaan Akaun

- 2.1 Akaun dan perkhidmatan akan tersedia untuk individu, pemilik tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, syarikat, masyarakat, badan berkanun dan entiti lain yang mana permohonan untuk akaun dan/atau perkhidmatan diterima oleh pihak Bank.
- 2.2 Pelanggan hendaklah mematuhi keperluan umur minimum yang ditentukan oleh Bank bagi setiap akaun deposit. Pelanggan di bawah umur lapan belas (18) tahun juga mesti mengisi borang permohonan. Ibu bapa atau penjaga sah untuk Pelanggan sedemikian dikehendaki menandatangani surat tanggung rugi dan mengemukakan kepada Bank dengan dokumen sokongan seperti yang ditetapkan oleh Bank. Bagaimanapun, pihak Bank mungkin mengubah keperluan tersebut dari semasa ke semasa selepas notis dua puluh satu (21) hari kalendar diberikan kepada Pelanggan.

- 2.3 Sesebuah akaun hendaklah dibuka dengan amaun tidak kurang daripada deposit tunai permulaan minimum (sebagaimana yang ditentukan oleh Bank) dari semasa ke semasa. Baki minimum sebagaimana yang ditentukan oleh Bank juga hendaklah dikekalkan oleh Pelanggan bagi setiap jenis akaun selepas itu.
- 2.4 Penerimaan dan pelanjutan sesebuah akaun dan produk/perkhidmatan adalah terletak atas budi bicara Bank.

3 Deposit & Pengeluaran

- 3.1 Sebaik sahaja deposit diterima oleh Bank, slip bayaran masuk ("PIS") akan sama ada disahkan oleh mesin, dicap tarikh atau diterima secara manual di bawah tandatangan pegawai Bank yang dibenarkan. Salinan pendua bagi PIS akan diberi kepada Pelanggan. Apabila PIS disahkan oleh mesin, Pelanggan hendaklah memeriksa bahawa butiran yang tercetak di atas slip adalah betul sebelum meninggalkan premis Bank. Jika terdapat kesilapan, Pelanggan hendaklah melaporkannya dengan segera kepada Bank.
- 3.2 Apabila Bank menyediakan perkhidmatan/kemudahan melalui Mesin Deposit Tunai ("CDM")/Mesin Deposit Cek ("CQM") untuk menerima tunai atau cek, Pelanggan hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan dengan betul.
- 3.3 Setiap deposit [sama ada dibuat melalui CQM, di kaunter atau melalui Peti Masuk] hendaklah dianggap sebagai telah dibuat jika disahkan oleh pekerja Bank, telah jelas sewajarnya dan deposit itu dikemas kini dalam rekod Bank.
- 3.4 Bank berhak untuk menolak bagi menerima cek pungutan dan instrumen kewangan lain yang mana mengikut pandangan Bank adalah tidak nalar dalam apa jua cara atau tidak mematuhi keperluan Syariah. Bank mungkin juga menolak bagi menerima cek/instrumen sedemikian yang telah diubah suai dalam apa jua cara walaupun pengubahsuaian itu telah ditandatangani balas oleh pengeluar.
- 3.5 Setiap cek dan instrumen kewangan lain boleh diterima bagi pungutan tetapi wang tidak akan dikreditkan/tersedia sehinggalah Bank menerima bayaran bagi cek dan instrumen kewangan lain yang telah didepositkan ke dalam akaun Pelanggan. Walau bagaimanapun, pengaturan istimewa mungkin dilakukan dengan Bank untuk membenarkan pengeluaran yang mana hasilnya belum diterima oleh Bank.
- 3.6 Bank berhak untuk mendebit akaun Pelanggan pada nilai cek yang telah dibeli/terdiskaun sebelumnya atau mengkreditkan akaun Pelanggan sekiranya cek tersebut tidak laku. Bank juga boleh mendebitkan akaun Pelanggan dengan caj perbankan yang dikenakan.
- 3.7 Cek yang diterima bagi pungutan tetapi tidak laku akan dikembalikan kepada Pelanggan atas risiko dan perbelanjaan sendiri.
- 3.8 Bank boleh menolak untuk menerima mana-mana deposit atau pengeluaran apabila terdapat kerosakan atau kegagalan sistem komputer dalam talian yang menjelaskan mana-mana cawangan Bank sama ada kerosakan atau kegagalan itu adalah secara keseluruhan atau sebahagian.

3.9 Pengeluaran boleh dibuat oleh Pelanggan:

- a. Semasa waktu perbankan di cawangan-cawangan Bank di mana akaun dikendalikan.
- b. Di mana-mana cawangan Bank tertakluk pada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.
- c. Melalui Mesin Teler Automatik ("ATM"). Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran melalui ATM mestilah mengikut terma dan syarat yang terpakai kepada ATM seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

3.10 Pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan Bank yang dilakukan oleh Pelanggan perlu disertakan dengan slip pengeluaran atau apa-apa borang yang telah dikeluarkan oleh pihak Bank dan tertakluk pada pengesahan identiti seperti yang diperlukan oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak permintaan Pelanggan untuk pengeluaran jika Pelanggan gagal memenuhi terma dan syarat atau dalam apa-apa keadaan yang dipertimbangkan atau dianggap wajar oleh pihak Bank.

4 Akaun Bersama

4.1 Akaun Bersama adalah dibuka oleh dua orang atau lebih.

4.2 Mandat dan tanggung rugi untuk Akaun Bersama perlu dilengkapkan untuk pembukaan Akaun Bersama bagi Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i dan Deposit Berjangka-i.

4.3 Semua perjanjian, obligasi, kuasa, pihak berkuasa dan liabiliti yang terkandung di dalam terma dan syarat ini hendaklah dianggap secara bersesama dan berasingan bagi semua pihak. Pihak Bank akan menunaikan obligasinya kepada semua dengan memberitahu mana-mana pemegang akaun yang dinamakan dalam Akaun Bersama.

4.4 Apabila akaun dibuka dan diselenggarakan atas nama bersama atau lebih, Pelanggan bersetuju sekiranya berlaku kematian salah seorang pemegang akaun:

- a. Pihak Bank harus memegang duit dalam akaun sebagaimana yang diarahkan oleh individu (individu-individu) yang hidup walaupun ada tuntutan oleh mana-mana wakil undang-undang. Walau bagaimanapun, hak Bank yang timbul daripada mana-mana lien, gadaian, cagaran, sandaran, tolak selesai, tuntutan balas atau sebaliknya tidak akan terjejas. Bayaran kepada mana-mana individu (individu-individu) yang masih hidup akan dilunaskan oleh pihak Bank.
- b. Pemegang akaun yang masih hidup membenarkan pihak Bank untuk menerima tandatangan secara bersesama atau berasingan daripada pemegang akaun yang hidup sebagai mandat yang mencukupi untuk meneruskan operasi akaun. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa tuntutan daripada mana-mana pihak, yang mungkin timbul dalam melaksanakan mandat tersebut melainkan tuntutan tersebut secara langsung disebabkan oleh kecuai Bank, keingkaran dan penipuan.

5 Akaun Perkongsian

5.1 Bagi akaun perkongsian, kebenaran pertama yang diberi harus kekal berkuat kuasa sehingga dibatalkan secara bertulis yang mana pembatalan tersebut mesti diakui oleh pihak Bank. Apa-apa perubahan dalam perlembagaan atau nama firma atau mana-mana pertukaran dalam keahlian firma disebabkan oleh kematian, kebangkrutan, persaraan atau sebaliknya atau kemasukan pekongsi baharu tidak akan mengikat Bank sehingga penerimaan sebenar perubahan tersebut. Pihak Bank berhak untuk menganggap individu yang hidup atau pekongsi berterusan atau pekongsi pada masa ini sebagai mempunyai kuasa penuh untuk menjalankan perniagaan dan

berurusan dengan aset jika tiada pertukaran dalam firma atau yang mana tiada pemberitahuan sebenar diterima.

- 5.2 Berhubung dengan mandat pengendalian salah seorang bagi akaun bersama, pihak Bank mempunyai budi bicara untuk menolak/menerima mana-mana cek yang tidak dibayar kepada semua Pelanggan yang dinamakan.

6 Arahan

- 6.1 Pelanggan hendaklah memberi senarai nama dan spesimen tandatangan yang dibenarkan kepada Bank. Dari semasa ke semasa, Pelanggan hendaklah memberitahu secara bertulis tentang apa jua pertukaran, dengan satu salinan resolusi (di mana berkenaan) yang disahkan benar sebagai bukti muktamad. Pelanggan harus memastikan bahawa tandatangannya pada cek, arahan dan perhubungan dengan Bank sama dengan yang diberi dalam tandatangan spesimen. Jika tandatangan tidak sepadan, Bank atas budi bicaranya berhak menolak untuk bertindak ke atas perkara tersebut. Walau bagaimanapun, Bank berhak untuk bertindak bagi cek, arahan atau perhubungan Pelanggan walaupun terdapat perbezaan pada tandatangan Pelanggan dengan yang diberi pada tandatangan spesimen jika cek, arahan atau perhubungan, sememangnya dikeluarkan oleh Pelanggan. Tanpa mengambil kira yang sebelumnya, Bank tidak harus dipertanggungjawabkan atas sebab pematuhan atau kegagalan untuk mematuhi arahan atau perhubungan Pelanggan berkenaan dengan mana-mana cek atau instrumen perbankan.

7 Caj Bank

- 7.1 Senarai fi dan caj Bank untuk perkhidmatan depositori dan kemudahan dan perkhidmatan perbankan, seperti yang dikenakan dan/atau dipinda oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) kalendar hari, hendaklah disediakan apabila diminta.
- 7.2 Sila rujuk www.affinislamic.com.my untuk mendapatkan Tarif Caj terkini Bank, yang mana ia juga boleh didapati di semua cawangan bank.

8 Penyata

- 8.1 Bagi akaun berasaskan penyata, penyata hanya akan diberikan sekali sebulan atau pada kekerapan lain sebagaimana ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Penyata akaun tersebut adalah muktamad dan terikat kepada Pelanggan melainkan jika Bank diberi notis secara bertulis tentang kesalahan/ ketidaklaziman dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penyata akaun itu. Penyata akaun adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan.
- 8.2 Permintaan Pelanggan untuk mendapatkan penyata akaun tambahan (dalam salinan cetak) akan tertakluk pada fi caj perkhidmatan yang terpakai.

9 Hibah

- 9.1 Hibah, jika ada, akan dibayar mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.

10 Perubahan Alamat, Tandatangan atau Maklumat

- 10.1 Pelanggan berjanji akan memberitahu Bank secara bertulis dengan segera tentang apa-apa perubahan alamat atau tandatangan atau butiran lain, dan jika gagal berbuat demikian, Bank

haruslah dilepaskan daripada semua liabiliti dengan menghantar apa-apa notis ke alamat terakhir yang diketahui.

- 10.2 Apa-apa Penyata akaun, surat-menyurat atau notis kepada Pelanggan boleh disampaikan secara serahan tangan atau dihantar melalui pos prabayar ke alamat Pelanggan yang dinyatakan dalam borang permohonan Bank atau ke alamat tertentu atau alamat e-mel yang diberitahu oleh Pelanggan kepada Bank dari semasa ke semasa. Ia hendaklah dianggap sebagai telah diterima sewajarnya oleh Pelanggan dalam tempoh lima (5) hari kerja selepas diposkan. Apa-apa kegagalan pada pihak Pelanggan untuk memberitahu apa-apa perubahan alamat dan/atau alamat e-emelnya yang mengakibatkan kelewatan atau pengembalian apa-apa penyata, surat-menyurat dan notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini.
- 10.3 Alamat terakhir yang diketahui, alamat e-mel dan nombor telefon Pelanggan dianggap sebagai alamat, alamat e-mel dan nombor telefon Pelanggan yang betul jika tiada apa-apa pemberitahuan tentang perubahan alamat, alamat e-mel dan nombor telefon diterima oleh Bank. Pelanggan harus membuktikan bahawa Bank telah ambil maklum tentang penerimaan perubahan tersebut, jika ada.
- 10.4 Pelanggan dikehendaki mengemaskini contoh tandatangannya, kebenaran Akta Perlindungan Data Peribadi ("PDPA"), perisytiharan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA") & Piawaian Laporan Bersama ("CRS") apabila berkenaan atau perlu. Jika tidak, Bank akan bergantung pada rekod terakhir yang diketahui.

11 Penghantaran Saman dan Pernyataan Tuntutan

- 11.1 Semua pihak dengan ini bersetuju bahawa penghantaran apa-apa panggilan dan pernyataan melalui pos ke alamat Pelanggan yang terakhir seperti dinyatakan dalam borang permohonan Bank atau ke alamat terakhir yang diberitahu oleh Pelanggan kepada Bank hendaklah dianggap sebagai telah menyerahkan notis lima (5) hari selepas pemberitahuan.

12 Akaun Tidak Aktif dan Wang Tidak Dituntut

- 12.1 Pelanggan bersetuju bahawa jika tiada transaksi ke atas akaun bagi tempoh tertentu atau tempoh lain yang ditentukan oleh pihak Bank, pihak Bank boleh mengganggu akaun tersebut tidak aktif dan boleh mengenakan caj atau menutup akaun.
- 12.2 Semua akaun yang tidak mempunyai transaksi kewangan bagi tempoh dua belas (12) bulan atau lebih diklasifikasikan sebagai tidak aktif.
- 12.3 Setelah akaun dianggap tidak aktif, Pelanggan boleh memilih sama ada untuk mengaktifkan semula atau menutup akaun berkenaan sebelum baki yang ada dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut ("RUM").
- 12.4 Bank hendaklah memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan sebelum wang tak dituntut dipindahkan kepada RUM.
- 12.5 Pelanggan bersetuju bahawa di bawah peraturan semasa Akta Wang Tak Dituntut 1965 termasuk apa-apa pindaan berkanun, apa jua wang dalam akaun yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun mesti diwartakan sebagai "Wang Tidak Dituntut" dan hendaklah dikirimkan kepada RUM dan akaun tersebut kemudiannya akan ditutup oleh pihak Bank.

13 Pembekuan/Penggantungan/Penutupan Akaun

13.1 Bank boleh melaksanakan tindakan membekukan, menggantung, menghalang atau menyekat penggunaan akaun atau menutup akaun pada bila-bila masa menurut atau melalui kuasa mana-mana undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, enakmen dan/atau apabila berlaku mana-mana satu kejadian yang berikut:

- a. jika operasi akaun adalah tidak menurut undang-undang, kaedah, peraturan dan/atau terma dan syarat Bank yang terpakai untuk akaun (termasuk tetapi tidak terhad kepada terma dan syarat ini);
- b. sekiranya Bank mengesyaki atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa akaun atau mana-mana bahagiannya digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- c. jika Pelanggan melanggar sebarang peruntukan yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini;
- d. jika maklumat/dokumen diberikan kepada Bank untuk membuka akaun, identiti didapati palsu/tidak tepat/diubah/disalah nyata;
- e. jika apa-apa cek/instrumen monetari/jumlah yang telah dikreditkan ke dalam akaun ialah hasil daripada apa-apa instrumen/arahan yang palsu/diubah/transaksi penipuan, dengan/tanpa penglibatan pemegang akaun;
- f. jika aduan dibuat oleh pihak ketiga kepada polis/Bank yang akaunnya telah digunakan untuk menjalankan apa-apa transaksi/deposit/komplot/mendapatkan deposit haram secara penipuan. Bagaimanapun, dengan budi bicara Bank ke atas akaun yang dibekukan/digantung atau ditutup hendaklah berdasarkan penyiasatan dalaman yang dilakukannya sendiri atau maklumat yang diberikan kepadanya oleh polis/pihak berkuasa;
- g. jika terdapat apa-apa laporan yang dibuat terhadap Pelanggan di bawah Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (“AMLATFPUAA”) sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa;
- h. jika terdapat siasatan oleh pihak polis atau organisasi polis, badan atau agensi kerajaan, suruhanjaya pencegahan rasuah atau agensi atau pengawal selia (di Malaysia atau di tempat lain) yang masih belum selesai, sedang berjalan atau menggugat terhadap Pelanggan;
- i. jika Pelanggan meninggal dunia atau menjadi tidak mampu membayar hutang, melakukan satu tindakan mufliis, atau dalam hal Pelanggan adalah syarikat, petisyen dibentangkan untuk penggulangannya atau satu resolusi diluluskan untuk penggulangan sukarela;
- j. jika berlaku kematian pemegang akaun dan akaun tersebut akan ditamatkan atau dibatalkan apabila dikemukakan kepada Bank, geran probet atau surat kuasa oleh pengganti si mati atau apa-apa borang lain yang berkaitan daripada Pejabat Tanah dan/atau apa-apa badan lain yang diluluskan di bawah undang-undang berkaitan yang semasa ketika diserahkan kepada Bank;
- k. jika terdapat perintah kebangkrutan/pembubaran terhadap Pelanggan;
- l. jika Bank dikehendaki membekukan, menggantung atau menutup akaun melalui Bank Negara Malaysia (“BNM”)/pihak berkuasa di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai;
- m. jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana perintah garnisan untuk menunjukkan sebab, injuksi, perintah mahkamah Syariah, perintah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) dan/atau keperluan AMLATFPUAA,

dengan syarat seterusnya, selepas pembekuan atau penutupan akaun tersebut, Bank menurut budi bicara, boleh memindahkan jumlah yang dibekukan/baki yang ada kepada akaun tanpa hibah/yang memperoleh pendapatan sehingga isu penting berkaitan akaun atau seperti yang diarahkan oleh mahkamah/pihak berkuasa, selesai. Notis yang munasabah akan diberikan kepada Pelanggan sebelum pembekuan/penggantungan/penutupan yang mana ia adalah sah dan praktikal untuk berbuat sedemikian, atau secepat yang dapat dilaksanakan selepas itu, melainkan dikehendaki oleh badan pengawal selia/agensi/perintah mahkamah.

- 13.2 Hak dan kelayakan Bank di bawah terma dan syarat ini hendaklah terus berkuat kuasa dan boleh dilaksanakan sepenuhnya serta hendaklah diteruskan selepas apa-apa penutupan atau penggantungan akaun oleh Bank.
- 13.3 Kecuali dikehendaki oleh undang-undang atau keperluan pengawalseliaan, Bank tidak dikehendaki untuk memberikan apa-apa penjelasan/untuk pembekuan, penggantungan atau penutupan akaun.
- 13.4 Pelanggan tidak boleh menggunakan akaun untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika Bank mendapati, mengesyaki atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa akaun Pelanggan telah digunakan atau sedang digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank boleh mengambil apa-apa tindakan yang dianggap wajar oleh pihak Bank:-
- (a) untuk memenuhi apa-apa kewajipan atau kehendak di Malaysia atau di tempat lain;
 - (b) berkaitan dengan pencegahan mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang (termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti berkaitan penganas, penyuaapan, rasuah dan pengelakan cukai); atau
 - (c) untuk penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan.
- Tindakan yang mungkin diambil oleh Bank termasuklah penutupan akaun dengan segera, membuat laporan dan mengambil tindakan yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 13.5 Jika terdapat apa-apa kewajipan pembayaran oleh Bank kepada Pelanggan selepas penutupan atau pembatalan akaun, Bank akan mengeluarkan dan menghantar deraf bank atau perintah taksir yang dibayar kepada Pelanggan, melalui pos biasa, ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank atau dengan cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank. Selepas Bank telah bertindak mengikut peruntukan di atas, tindakan tersebut dianggap sebagai pelepasan tanggungjawab Bank yang sah dan lengkap berhubung dengan akaun tersebut.

14 Penutupan Akaun

- 14.1 Pelanggan boleh menutup mana-mana atau semua akaun dengan memberikan notis bertulis kepada Bank. Bagi akaun bersama yang ditetapkan sebagai "sama ada/atau untuk tandatangan", mana-mana satu pihak boleh untuk menutup akaun menurut mandat yang dipersetujui Pelanggan semasa membuka akaun.
- 14.2 Untuk menutup Akaun Semasa-i Syarikat, Pelanggan perlu mengemukakan salinan Resolusi Lembaga Pengarah yang telah disahkan sebagai salinan yang disahkan benar oleh Setiausaha Syarikat atau mana-mana pengarah disertai surat bertulis tentang arahan penutupan.
- 14.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak:
- a. menutup mana-mana akaun dengan baki sifar menerusi sistem selepas seratus lapan puluh (180) hari dengan memberikan notis terdahulu kepada Pelanggan;
 - b. menutup mana-mana akaun yang pada pendapat Bank, telah tidak dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - c. menutup mana-mana akaun dengan baki debit yang perlu dibayar untuk caj perkhidmatan atau caj penalti bagi Sistem Maklumat Cek Tidak Laku ("DCHEQS").
- 14.4 Semua helaian cek yang tidak digunakan untuk Akaun Semasa-i bagi syarikat dan individu mesti dikembalikan kepada Bank untuk pembatalan.
- 14.5 Pelanggan boleh meminta penutupan awal akaun dalam tempoh enam (6) bulan pembukaan akaun dan Bank akan mengenakan caj kepada Pelanggan.

15 Hak Penyatuan dan Tolak Selesai

15.1 Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh, pada bila-bila masa, setelah memberi notis tujuh (7) hari kepada Pelanggan, menggabungkan, menyatukan atau menggabungkan kesemua atau mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank apa-apa deskripsinya atau di mana-mana lokasi sama ada dalam Ringgit Malaysia atau mata wang lain. Bank boleh dengan notis tolak selesai atau memindahkan apa jua jumlah terhutang bagi apa jua akaun termasuk akaun bersama atau ke atas pelepasan bagi apa jua jumlah terhutang kepada Bank di bawah mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank apa-apa huraian dan di mana jua lokasinya sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam mata wang lain. Pelanggan membenarkan Bank untuk melaksanakan apa jua gabungan, penyatuan, tolak selesai atau pemindahan dengan pertukaran yang perlu pada kadar pertukaran semasa Bank yang ditentukan berdasarkan atas budi bicara Bank.

16 Tanggung Rugi

16.1 Pelanggan bersetuju menanggung rugi pihak Bank atas semua tuntutan, kerosakan, permintaan, tindakan, prosiding, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk kos guaman bagi peguam cara dan kliennya) dan semua liabiliti lain dengan apa-apa sifat atau deskripsi yang mungkin akan dibuat, ambil, berlaku atau hadapi oleh Bank. Tanggung rugi terpakai berhubung dengan peruntukan mana-mana perkhidmatan oleh pihak Bank selaras dengan terma dan syarat atau penerimaan mana-mana arahan yang diberi oleh Pelanggan atau Pelanggan memungkiri mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat oleh Pelanggan. Walau bagaimanapun, di mana perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti tersebut secara langsung disebabkan oleh keingkaran, kecuaiian atau penipuan pihak Bank, Pelanggan tidak akan bertanggungjawab. Liabiliti Pelanggan hendaklah liabiliti berterusan dan kekal berkuat kuasa sehingga liabiliti Pelanggan terhadap Bank telah dilepaskan sepenuhnya.

16.2 Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan jaminannya terhadap mana-mana pengendorsan, penjelasan mana-mana cek, bil, wang kertas, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk pungutan. Setiap jaminan diberikan oleh Bank itu hendaklah dianggap sebagai telah diberikan atas permintaan jelas oleh Pelanggan dalam setiap kes. Walaubagaimanapun, jika kerugian disebabkan oleh kelalaian, kecuaiian atau penipuan Bank secara langsung, Pelanggan tidak akan bertanggungjawab.

17 Undang-undang

17.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia.

17.2 Pelanggan bersetuju untuk tertakluk pada kuasa Mahkamah Malaysia. Pelanggan bersetuju bahawa penyampaian apa-apa proses boleh dilaksanakan dengan mengepos proses tersebut kepada Pelanggan mengikut cara yang dinyatakan dalam Fasal 11.

18 Kaedah & Peraturan

18.1 Apabila berkenaan, Pelanggan hendaklah mematuhi Notis Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (“Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing”) yang dikeluarkan oleh BNM berhubung dengan apa-apa transaksi, termasuk transaksi luar negara.

18.2 Pelanggan dengan ini membenarkan Bank mengambil apa-apa langkah untuk mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing semasa dan berkaitan serta apa-apa peraturan yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa berhubung dengan apa-apa transaksi. Apabila berkenaan, Pelanggan hendaklah mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing semasa yang dikeluarkan BNM sebagai 'Pihak Berkuasa Pertukaran Mata Wang'.

18.3 Bank mungkin bertanggungjawab di bawah AMLATFPUAA dan/atau undang-undang serta peraturan lain untuk melaporkan transaksi-transaksi tertentu kepada BNM dan/atau pihak berkuasa lain yang berkaitan. Pelanggan membenarkan pelaporan tersebut dan bersetuju bahawa Bank, pegawai dan kakitangannya tidak bertanggungjawab untuk membuat laporan tersebut.

18.4 Pelanggan hendaklah mematuhi sebarang peraturan, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM dan/atau badan pengawalseliaan yang berkaitan di mana Pelanggan adalah atau akan dikenakan dari semasa ke semasa.

19 Fasal Privasi Kumpulan

19.1 Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa dia telah membaca dan memahami dengan terma-terma Notis Privasi Kumpulan Bank. Pelanggan bersetuju dengan pemprosesan data peribadinya mengikut Notis Privasi Kumpulan Bank. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju Notis Privasi Kumpulan itu hendaklah dianggap telah dimasukkan dengan merujuk terma dan syarat ini.

19.2 Sila rujuk Notis Privasi Kumpulan kami yang boleh didapati di mana-mana cawangan Bank atau di laman web www.affinislamic.com.my

20 Cukai

20.1 Apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini atau yang perlu dibayar oleh mana-mana pihak kepada mana-mana pihak yang satu lagi hendaklah dianggap sebagai tidak termasuk cukai yang akan dikenakan ke atas bekalan (atau pelbagai bekalan) yang jumlah tersebut (seluruh atau sebahagian) ialah balasan untuk tujuan cukai. Caj Bank tidak termasuk cukai yang akan dikenakan pada masa depan. Apabila melaksanakan cukai tersebut, Bank boleh mendapatkan semula apa-apa cukai daripada Pelanggan yang perlu dipungut oleh Bank menurut undang-undang.

21 Force Majeure

21.1 "Force Majeure" ("FM") bermaksud apa-apa sebab yang di luar kawalan munasabah Bank. Kejadian FM termasuk dan tidak terhad kepada, kegagalan atau gangguan, mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan atau talian penghantaran data, sistem utiliti atau komunikasi, sabotaj, kebakaran, banjir, gempa bumi, letupan, bencana alam, mogok, pertikaian industri, rusuhan, tindakan keganasan atau peperangan, atau apa-apa sekatan kawalan kewangan atau pertukaran wang asing.

21.2 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga atas sebarang kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, ganti rugi jika mana-mana peristiwa di bawah adalah disebabkan oleh FM: -

- a. Sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajibannya di dalam terma dan syarat ini atau untuk memberi mana-mana perkhidmatan;

- b. Jika dana yang dikreditkan atau didebitkan dari akaun tidak dapat diakses atau nilainya berkurangan.

21.3 Sekiranya mana-mana mata wang yang perlu dibayar oleh pihak Bank menjadi tidak tersedia disebabkan oleh sekatan ke atas penukaran atau pemindahan atau FM, pihak Bank boleh membuat pembayaran dalam mata wang lain pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh pihak Bank dan berlaku pada masa tersebut.

22 Perubahan Terma dan Syarat

22.1 Bank berhak mengkaji semula dan menyemak mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dahulu, dengan meposnya di laman web Bank atau notis bertulis kepada Pelanggan. Pelanggan dinasihatkan merujuk terma dan syarat yang dikemas kini di laman web Bank www.affinislamic.com.my dari semasa ke semasa. Terma dan syarat terkini yang disediakan di laman web Bank akan menggantikan semua terma dan syarat sebelum ini yang dibuat antara Bank dengan Pelanggan di bawah terma dan syarat ini.

22.2 Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan perubahan/pindaan, Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank tentang perkara yang sama dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari pemberitahuan notis. Pelanggan mempunyai hak untuk menamatkan hubungan sebagai Pelanggan dengan menutup akaun(-akaun) dengan Bank. Walau bagaimanapun, jika Pelanggan terus menggunakan perkhidmatan Bank selepas notis itu, Pelanggan dianggap telah menerima perubahan tersebut.

22.3 Pelanggan bersetuju untuk menerima dan mematuhi apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di atas termasuk apa-apa terma dan syarat baru yang Bank boleh membuat keputusan mengikut budi bicaranya.

22.4 Terma dan syarat ini tertakluk pada dan ditadbir oleh peraturan, peraturan dan garis panduan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh BNM, Persatuan Bank di Malaysia dan badan-badan berkaitan lain yang dibuat menurut undang-undang yang berkenaan.

23 Pengisytiharan

23.1 Pelanggan maklum bahawa pihak Bank mungkin perlu menjalankan semakan wajar semasa pembukaan akaun atau dari semasa ke semasa. Pelanggan bersetuju untuk menerima dan menandatangani borang atau pengisytiharan termasuk persetujuan untuk PDPA, pengisytiharan FATCA/CRS dan apa-apa pengisytiharan lain yang diminta oleh pihak Bank. Jika Pelanggan menolak untuk berbuat demikian, pihak Bank boleh menggantung, menutup atau menolak pembukaan atau penyenggaraan akaun.

23.2 Keperluan di bawah PDPA/FATCA/CRS merupakan sebahagian daripada terma dan syarat yang mentadbir hubungan Pelanggan dengan Bank dan akan mengikat Pelanggan setakat mana ia terpakai kepada Pelanggan.

23.3 Pihak Bank dan syarikat gabungannya yang berkaitan adalah tertakluk pada dan dikehendaki, atau telah bersetuju untuk mematuhi FATCA ("Keperluan Laporan FATCA"). Sehubungan itu, Pihak Bank dikehendaki untuk mengumpul maklumat mengenai setiap Pelanggannya di bawah Keperluan Laporan FATCA. Sekiranya Pelanggan adalah individu A.S., pihak Bank mungkin perlu memberikan maklumat akaun Pelanggan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

("LHDNM"), yang kemudiannya boleh dikongsi dengan Internal Revenue Service ("IRS") Amerika Syarikat.

- 23.4 Bank dan syarikat gabungannya yang berkaitan dikehendaki mematuhi Peraturan CRS ("Keperluan Laporan CRS"). Sehubungan itu, pihak Bank dikehendaki mengumpul maklumat mengenai cukai residen Pelanggan di bawah peraturan cukai yang berkenaan. Sekiranya Pelanggan bukan pemastautin cukai di Malaysia, pihak Bank mungkin perlu memberikan maklumat akaun Pelanggan kepada LHDNM, yang kemudiannya boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai yang lain dari bidang kuasa yang menyertai CRS.
- 23.5 Pelanggan mengesahkan bahawa pengisytiharan yang diberikan di bawah FATCA/CRS atau apa-apa pengisytiharan lain yang dikehendaki oleh pihak Bank adalah benar, tepat, dan lengkap.
- 23.6 Pelanggan membenarkan pihak Bank untuk memberikan secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pihak berkuasa cukai yang berkaitan atau mana-mana pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan audit atau menjalankan kawalan yang sama untuk tujuan cukai. Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada pihak berkuasa cukai atau pihak tersebut untuk apa-apa maklumat yang diperlukan.
- 23.7 Pelanggan bersetuju untuk mengemukakan kepada pihak Bank borang baharu dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat kesalahan pada pengesahan atau pengisytiharan yang berkenaan dengan PDPA/FATCA/CRS.
- 23.8 Pelanggan akan bertanggungjawab untuk mematuhi apa-apa peraturan dan had, dan pindaan. Pelanggan bersetuju menanggung rugi dan melindungi Bank daripada dan terhadap semua tuntutan, liabiliti dan kerosakan yang timbul daripada kegagalan Pelanggan untuk mematuhiinya kecuali jika tuntutan, liabiliti dan kerosakan timbul/secara langsung daripada kelalaian, kecauaian atau penipuan pihak Bank.
- 23.9 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab di atas pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap peraturan-peraturan tersebut dan sebarang pindaan terhadap peraturan sedemikian.

24 Pendedahan Maklumat & Etika Perniagaan

- 24.1 Apabila mengetahui mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank, secara langsung atau tidak langsung, meminta atau menerima daripada Pelanggan atau Afiliasi Pelanggan, sebarang Gratifikasi (sama ada untuk faedah atau kelebihan diri sendiri atau untuk faedah atau kelebihan orang lain, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh hubungan dengan Bank), sila e-melkan ke whistle_blowing@affinbank.com.my dengan segera untuk perkara yang sama.
- 24.2 Pelanggan mengaku bahawa Pelanggan atau Afiliasi Pelanggan atau sesiapa yang bertindak mengikut arahan atau kuasa Pelanggan (sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh hubungan dengan Bank, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menawarkan, atau setuju untuk memberi atau menawarkan, sebarang Gratifikasi sebagai dorongan atau ganjaran kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau ejen Bank) untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan atau menunjukkan kesetujuan atau ketidaksetujuan kepada sesiapa, berhubung dengan akaun.
- 24.3 Sekiranya terdapat bukti bahawa Pelanggan atau Afiliasi Pelanggan atau sesiapa yang bertindak di bawah arahan atau kuasa Pelanggan adalah melanggar Fasal 24.1 dan 24.2, Bank boleh menamatkan akaun (tanpa menjejaskan hak-hak remedi Bank yang lain di bawah undang-undang) dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Apabila akaun tersebut ditamatkan,

Bank berhak menuntut semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan yang timbul daripada penamatan tersebut dari Pelanggan.

- 24.4 Tertakluk kepada mana-mana pengawalseliaan pendedahan yang dibenarkan atau fasal lain yang membenarkan penzahiran dalam terma dan syarat ini, Bank akan menyimpan rahsia apa-apa maklumat yang didedahkan atau diterima termasuk identiti orang yang memberi maklumat dan semua hal keadaan yang berkaitan dengan maklumat itu.
- 24.5 Pelanggan juga harus mendedahkan maklumat sekiranya berlaku sebarang penyelewengan atau salah laku oleh mana-mana kakitangan, kontraktor, vendor, pihak ketiga atau ejen Bank. Sila rujuk kepada Dasar Pemberitahuan Maklumat Bank di www.affinislamic.com.my untuk tujuan pematuhan.
- 24.6 (i) 'Afiliasi' bermaksud berhubung dengan Pelanggan korporat, mana-mana orang atau entiti yang dimiliki dan dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, atau mana-mana orang atau entiti yang mengawal Pelanggan secara langsung atau tidak langsung dalam apa jua cara sekalipun.
- (ii) 'Gratifikasi' termasuk apa-apa hadiah, wang, harta benda atau benda bernilai atau apa-apa perkhidmatan, sokongan atau benda lain yang bernilai, atau apa-apa perkhidmatan, sokongan atau manfaat tidak ketara atau apa-apa pertimbangan lain, atau apa-apa kelebihan yang serupa.
- 24.7 Pelanggan perlu menunjukkan tingkah laku etika dan profesionalisme yang tinggi untuk melindungi nama baik Bank dengan mengambil semua perlindungan dan langkah berjaga-jaga yang perlu untuk memberi amaran kepada suruhanjaya tentang apa-apa pelakuan yang tidak beretika termasuk apa-apa rupa atau tanggapan kepada kesan tersebut.

25 Anti-Pengubahan Wang Haram dan Sekatan

- 25.1 Pelanggan dikehendaki menyediakan dan mendedahkan kepada Bank, dalam masa yang ditetapkan oleh Bank, sebarang maklumat, pernyataan dan penjelasan berkaitan dengan akaun yang di anggap perlu oleh Bank untuk:
- (a) mematuhi undang-undang atau sekatan Malaysia dan mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pengubahan wang haram atau anti-keganasan); dan/atau
- (b) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko sekatan ekonomi dan perdagangan.
- 25.2 Bank tidak bertanggungjawab untuk meneruskan apa-apa transaksi atau pengeluaran sehingga Bank menerima maklumat tersebut dari Pelanggan dan mengesahkan yang sama sehingga Bank berpuas hati.
- 25.3 Pelanggan mengisytiharkan dan mengaku kepada Bank bahawa pemprosesan apa-apa transaksi tidak akan melanggar mana-mana undang-undang atau sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk memproses apa-apa transaksi disebabkan oleh apa-apa maklumat atau dokumentasi yang tidak lengkap disediakan oleh Pelanggan.

26 Pelbagai

- 26.1 Sekiranya terdapat aduan berkaitan dengan akaun, Pelanggan boleh mengemukakan nota kepada cawangan masing-masing di mana akaun dibuka. Sebagai alternatif, Pelanggan boleh melengkapkan Borang Maklumbalas Dalam Talian yang boleh didapati di www.affinislamic.com.my atau melalui e-mel ke yourvoice@affinbank.com.my
- 26.2 Selain apa-apa peruntukan dalam terma dan syarat ini, Bank boleh membekukan atau menggantung operasi semua akaun semasa/deposit Pelanggan menurut terma bagi mana-mana perintah mahkamah (contohnya, kebankrapan, pembubaran, injuksi, garnisan) atau permohonan tunjuk sebab yang diberikan ke atasnya dan Bank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan akibat pembekuan atau penggantungan tersebut. Bank juga boleh menarik balik pembekuan atau penggantungan tersebut apabila menerima perintah mahkamah tentang perkara tersebut.
- 26.3 Bank berhak untuk tidak bertindak atas mana-mana Kuasa Peguam ("KP") Pelanggan melainkan jika peguam dan Pelanggan hadir untuk melakukan transaksi pertama menggunakan KP. KP juga mesti membenarkan pengeluaran, deposit dan penutupan akaun dan mesti diberi pertimbangan yang berharga dan dinyatakan sebagai tidak boleh dibatalkan. KP mesti mematuhi kehendak undang-undang yang terpakai kepada KP.

TSU di atas diterima pakai bagi semua jenis akaun/produk/perkhidmatan dan terma dan syarat spesifik dinyatakan di bawah ini hendaklah membentuk sebahagian daripada dan dibaca berserta dengan TSU.

TERMA DAN SYARAT SPESIFIK

1. ARAHAN TETAP

- a. Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa dana yang mencukupi tersimpan dalam akaun mereka bagi pembayaran.
- b. Walaupun pihak Bank akan berusaha melaksanakan bayaran berkala tersebut, ia tidak bertanggungjawab untuk berbuat demikian. Oleh sebab itu, pihak Bank tidak akan menanggung liabiliti melalui kesilapan, penolakan atau pengabaian untuk membuat semua atau apa jua bayaran atau disebabkan oleh bayaran lewat atau pengabaian dalam mengikut arahan yang sedemikian melainkan kesalahan, penolakan atau peninggalan itu secara langsung disebabkan oleh keingkaran, kecuaiian atau penipuan pihak Bank.
- c. Pelanggan bersetuju bahawa baik pihak Bank mahupun mana-mana cawangannya, penghubung atau ejen tidak dipertanggungjawabkan bagi apa jua kerugian dan kerosakan akibat daripada kesilapan atau kelewatan atau kemungkiran dalam apa jua bentuk semasa penyampaian atau penyerahan apa jua mesej dalam pelaksanaan Arahan Tetap melalui mel, email, telefon, kabel atau wayarles, termasuk yang seumpamanya yang mungkin disebabkan oleh penggunaan kod atau kerana apa jua tindakan atau dekri sah atau tidak sah oleh kerajaan atau agensi kerajaan atau kerana kegagalan mana-mana cawangan, penghubung atau ejen untuk mengenalpasti penerima bayaran semasa membuat pembayaran melainkan kerugian atau kerosakan sedemikian adalah secara langsung disebabkan oleh keingkaran, kecuaiian atau penipuan pihak Bank.

- d. Arahan Tetap ini tertakluk pada mana-mana pengaturan yang wujud atau yang akan wujud selepas ini antara Pelanggan dengan pihak Bank berkait dengan akaun Pelanggan atau apa jua kemudahan perbankan yang disediakan kepada mereka.
- e. Bank atas budi bicaranya boleh menamatkan Arahan Tetap ini bagi bayaran masa depan pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada Pelanggan dengan alasan yang sah. Tiada notis diperlukan jika Pelanggan mengesahkan secara bertulis bahawa tiada bayaran lagi yang perlu dibuat.
- f. Arahan Tetap ini kekal berkuat kuasa bagi melindungi Bank dari segi pembayaran dibuat secara jujur. Ini tetap efektif walaupun berlaku kematian Pelanggan atau kebangkrapan atau penggugungan/pembubaran atau pembatalan Arahan Tetap ini melalui apa jua cara lain sehingga notis tentang kematian atau kebangkrapan atau penggugungan/pembubaran Pelanggan atau notis pembatalan tersebut diterima oleh Bank.
- g. Komisen/servis caj pada kadar semasa Bank akan dikenakan levi bagi setiap bayaran berkala yang dibuat oleh Bank. Caj ini tidak termasuk bayaran sampingan pos dan/atau duti setem dan caj oleh cawangan Bank, penghubung atau ejen yang boleh diterima pakai.
- h. Bank atas budi bicaranya boleh mengenakan caj bagi setiap Arahan Tetap yang tidak dapat dijalankan kerana dana yang tidak mencukupi.
- i. Pelanggan seterusnya bersetuju untuk memberitahu pihak Bank secara bertulis tentang apa jua pertukaran, pindaan atau pembatalan sekurang-kurangnya satu minggu sebelum pembayaran. Walau bagaimanapun, sama ada pihak Bank mematuhi pemberitahuan tersebut adalah mengikut budi bicara dengan alasan yang sah.

2. KAD MyDEBIT (UNTUK AKAUN SIMPANAN-i ATAU AKAUN SEMASA-i)

- a. Kad MyDebit ("Kad") yang dikeluarkan kekal menjadi harta Bank dan Pelanggan harus memulangkan Kad kepada Bank apabila diminta.
- b. Kad dikeluarkan adalah bagi kegunaan Pelanggan sendiri semata-mata dan tidak boleh dipindahkan, dicagarkan atau sebaliknya menggunakannya sebagai sekuriti bagi mana-mana transaksi kredit.
- c. Pelanggan seharusnya tidak mendedahkan atau menyebabkan pendedahan Nombor Pengenal Peribadi ("PIN") kepada sesiapa termasuk pekerja Bank dalam apa jua keadaan. Jika PIN Pelanggan didapati atau disyaki telah diketahui oleh orang lain, Pelanggan haruslah memberitahu mana-mana cawangan Bank dengan serta-merta dan mengesahkannya secara bertulis.
- d. Sekiranya berlaku kehilangan, kecurian atau kemusnahan ke atas Kad, Pelanggan harus memberitahu Bank dengan serta-merta, jika gagal, Pelanggan adalah bertanggungjawab bagi apa jua transaksi atau kegunaan Kad hingga had RM3,000 bagi setiap Kad sehari atau mana-mana amaun yang dipinda kemudiannya yang boleh dikeluarkan oleh Pelanggan setiap hari termasuk pemindahan dana yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, dikira pada asas harian sehingga penerimaan Bank tentang pemberitahuan tersebut.
- e. Walau bagaimanapun, Pelanggan boleh pergi ke cawangan untuk menambah mana-mana had pengeluaran sehingga RM5,000 sahaja.

- f. Semua penggantian dan pembaharuan Kad adalah tertakluk pada terma dan syarat yang berkuatkuasa pada tarikh penggantian atau pembaharuan.
- g. Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk membayar semua caj yang mungkin Bank kenakan dari semasa ke semasa menurut budi bicara dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar dahulu berkenaan dengan pengeluaran/penggantian/fi kad tahunan dan bagi transaksi yang dibuat oleh Pelanggan dengan menggunakan Kad. Pelanggan haruslah apabila diminta oleh Bank membayar semua amaun yang terlebih ambil termasuk fi pentadbiran/perkhidmatan yang ditentukan oleh Bank jika berlakunya terlebih ambil bagi akaun Pelanggan.
- h. Baki yang dinyatakan dalam akaun Pelanggan yang terpapar pada skrin ATM tidak termasuk mana-mana deposit yang tidak disahkan oleh Bank dan/atau prosid bagi mana-mana cek atau instrumen boleh niaga tak terealisasi dan tidak termasuk mana-mana cek yang telah dikeluarkan oleh Pelanggan tetapi tidak lagi diproses oleh Bank. Baki yang dipaparkan atau dicetak haruslah tidak dianggap sebagai menyeluruh bagi keadaan akaun Pelanggan dengan Bank. Bank dari semasa ke semasa menggabungkan kesemua transaksi MyDebit yang telah dibuat ke atas akaun simpanan Pelanggan dan ditunjukkan dalam buku simpanan sebagai dua pencatatan masing-masing bagi deposit dan pengeluaran.
- i. Pelanggan hendaklah memberitahu kepada benefisiari tentang pemindahan adalah atas kesepakatannya sendiri. Semua transaksi yang timbul daripada penggunaan MyDebit menggunakan akaun bersama yang ditetapkan hendaklah mengikat semua pemegang akaun secara bersama dan berasingan. Pelanggan tidak boleh meminta Bank bertanggung dalam apa-apa cara bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan yang timbul daripada penggunaan Kad tersebut sama ada akibat apa-apa kerosakan mekanikal atau pincang tugas ATM atau Kad tidak dapat disahkan atau selainnya, melainkan jika terbukti bahawa Bank secara langsung bertanggungjawab dengan sebab kelalaian, kecuaiian atau penipuan.
- j. Bank berhak pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung penggunaan Kad atau menolak pengeluaran semula, pembaharuan atau penggantian Kad tersebut tanpa menjelaskan sebabnya dengan notis terdahulu. Pelanggan haruslah tidak mengguna Kad itu selepas diberitahu tentang pembatalan atau penggantungan oleh Bank dan Pelanggan mengakui untuk memulangkan Kad itu dengan serta-merta kepada Bank apabila mendapat notis tersebut. Pelanggan boleh menamatkan atau membatalkan Kad apabila memberi notis bertulis atau apabila menutup akaunnya dengan Bank dan Pelanggan hendaklah memotong Kad di jalur magnetik dan cip dan memulangkan Kad dengan serta-merta kepada Bank.
- k. Dengan pengaktifan fungsi “Tanpa Sentuh” di dalam Kad, Pelanggan akan:
 - (i) Menerima tanggungjawab sepenuhnya terhadap risiko urusan pembelian “tanpa PIN” di mana-mana terminal urusan pembelian (“POS”).
 - (ii) Memastikan Kad sentiasa berada di dalam penjagaan Pelanggan itu sendiri dan tidak menyerahkan MyDebit kepada pihak ketiga untuk sebarang urusan “tanpa sentuh” di mana-mana terminal “tanpa sentuh”.

3. KAD DEBIT VISA AFFIN ISLAMIC (UNTUK AKAUN SIMPANAN-i ATAU AKAUN SEMASA-i)

- a. Pelanggan mempunyai pilihan untuk memilih dan memohon Kad Debit Visa AFFIN ISLAMIC (“Kad Debit Visa”).
- b. Pihak Bank bersetuju untuk mengeluarkan Kad Debit Visa untuk membolehkan Pelanggan mengeluarkan wang tunai, menyemak baki, membuat pembelian, pembayaran dan transaksi

pemindahan melalui akaun Pelanggan. Kad Debit Visa akan diberikan kepada Pelanggan untuk kegunaannya sendiri.

- c. Penggunaan Kad Debit Visa dan tanggungjawab dan liabiliti Pelanggan adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Kad Debit Visa yang boleh diakses di www.affinislamic.com.my.

4. AKAUN SEMASA-i

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard.

- a. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang, yang mana pemulangan pinjaman tersebut (wang yang didepositkan oleh Pelanggan) adalah dijamin oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang di dalam akaun tersebut. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan konsep Syariah yang lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- b. Cek tidak akan dikeluarkan Bank melainkan jika Pelanggan menggunakan borang yang disediakan dan didaftarkan bagi setiap akaun. Permohonan bagi buku cek hendaklah dibuat melalui borang permohonan Bank yang dicetak atau permintaan bertulis oleh Pelanggan kecuali bagi pengeluaran buku cek permulaan.
- c. Syarat yang tercetak pada kulit buku cek hendaklah dipatuhi dengan tegas oleh Pelanggan dan syarat di dalam kulit buku cek adalah tambahan bagi syarat dalam terma dan syarat ini.
- d. Pelanggan bersetuju bahawa cek mestilah dibuat dengan sedemikian cara bagi mengelak penambahan atau pindaan selepas dikeluarkan. Cek mestilah ditandatangani dengan sewajarnya menurut tandatangan spesimen yang didaftarkan dengan Bank. Cek akan dianggap tak sah laku jika Bank menjumpai bahawa terdapat ketaknalaran pada cek tersebut dalam apa jua cara tanpa sebarang liabiliti bagi pihak Bank. Bagi cek terlebih keluar, sila rujuk www.affinislamic.com.my untuk mendapatkan Tarif Caj Terkini Bank.
- e. Semua pindaan hendaklah disahkan dengan tandatangan oleh semua penyuruh bayar, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- f. Cek yang terdapat pindaan akan dianggap tidak laku jika tiada pengesahan bertulis berasingan diterima oleh Bank atau jika tiada pengesahan persendirian dibuat dengan Pengurus Cawangan. Cek berpaling dengan palangnya 'Terbuka' hanya boleh dibayar secara tunai apabila dikemukakan untuk pembayaran oleh penyuruh bayar atau ejennya yang diketahui.
- g. Apabila akaun ditutup oleh sama ada Pelanggan atau Bank, kesemua helaian cek yang tidak digunakan yang telah dikeluarkan kepada Pelanggan adalah menjadi harta Bank. Pelanggan haruslah dengan serta-merta memulangkannya kepada Bank. Duti setem yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.
- h. "Henti Bayar" hanya dilaksanakan jika cek belum lagi dikemukakan bagi pembayaran. Selepas dilaksanakan, Henti Bayar tersebut hanya terikat ke atas Pelanggan sahaja. Setem "Henti Bayar" akan dilekatkan pada permukaan cek dan cek tidak boleh dikemukakan lagi. Caj pengendalian bagi Henti Bayar dan juga permintaan bagi penyata interim adalah diterima pakai. Apabila cek yang Dihenti Bayar dipulangkan pada masa akaun tidak mempunyai dana yang mencukupi, fi pentadbiran/perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan.
- i. Sila rujuk www.affinislamic.com.my untuk Tarif Caj terkini.

- j. Pelanggan mengesahkan untuk tidak mengeluarkan cek jika dana tidak mencukupi dalam akaunnya pada masa cek dikeluarkan. Sekiranya Bank memulangkan cek kerana kekurangan dana atau dana yang tidak jelas, Bank akan mengenakan caj penalti sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dengan mendebit caj berkenaan daripada akaun Pelanggan.
- k. Pelanggan hendaklah pada setiap masa hanya menggunakan cek yang dibekalkan oleh pihak Bank untuk digunakan dengan mana-mana Akaun Semasa Bank. Merujuk kepada garis panduan BNM, setiap cek yang dikeluarkan akan dikenakan bayaran RM0.50 berkuatkuasa dari 2 Januari 2015, bersama-sama dengan caj semasa Duti Setem RM0.15 bagi setiap helai cek. Ini boleh dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan semasa BNM.

5. AKAUN SIMPANAN-i

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard.

- a. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang, yang mana pemulangan pinjaman tersebut (wang yang didepositkan oleh Pelanggan) adalah dijamin oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang di dalam akaun tersebut. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan konsep Syariah yang lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- b. Bagi Akaun Buku Simpanan-i Sahaja
 - (i) Setiap Pelanggan yang membuka Akaun Simpanan-i dengan Bank mestilah diberikan Buku Simpanan yang harus dikemukakan bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila diminta oleh pihak Bank. Catatan dalam Buku Simpanan hanya sah jika diparapi oleh Pegawai Bank yang dibenarkan. Pelanggan harus memeriksa Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi memastikan catatan yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatat pada masa Buku Simpanan dikemaskini, sistem akan menggabungkan transaksi tersebut kepada satu (1) debit dan satu (1) kredit transaksi dan memasukkan gabungan angka tersebut ke dalam Buku Simpanan.
 - (ii) Buku simpanan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diberikan atau dijanjikan oleh Pelanggan sebagai cagaran dan tidak lien boleh diwujudkan untuk tujuan yang sama.
 - (iii) Pelanggan harus menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan harus memberitahu Bank secara bertulis dengan sertamerta. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan gantian apabila ganti rugi telah diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan.
 - (iv) Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat daripada kecuaiannya Pelanggan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab bagi pengeluaran penipuan akaun Pelanggan itu disebabkan oleh kehilangan tersebut.

6. AFFIN PLUS-i

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard.

- a. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang, yang mana pemulangan pinjaman tersebut (wang yang didepositkan oleh Pelanggan) adalah dijamin oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang di dalam akaun tersebut. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan konsep Syariah yang lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

- b. Jika Pelanggan mengeluarkan cek apabila dana dalam akaunnya tidak mencukupi, Bank berhak untuk menutup akaunnya tanpa sebarang notis dan mengecaj fi pentadbiran/perkhidmatan dengan mendebit fi tersebut terus dari akaun Pelanggan pada kadar yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

7. JUNIOR SAVER-i

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard.

- a. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang, di mana pemulangan pinjaman tersebut (wang yang didepositkan oleh Pelanggan) adalah dijamin oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang di dalam akaun tersebut. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan konsep Syariah yang lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- b. Bagi Akaun Buku Simpanan-i Sahaja
 - (i) Setiap Pelanggan yang membuka Junior Saver-i dengan Bank mestilah diberikan Buku Simpanan yang harus dikemukakan, bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila diminta oleh pihak Bank. Catatan dalam Buku Simpanan hanya sah jika diparapi oleh Pegawai Bank yang dibenarkan. Pelanggan harus memeriksa Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi memastikan catatan yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatat pada masa Buku Simpanan dikemaskini, sistem akan menggabungkan transaksi tersebut kepada satu (1) debit dan satu (1) kredit transaksi dan memasukkan gabungan angka tersebut ke dalam Buku Simpanan.
 - (ii) Buku simpanan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diberikan atau dijanjikan oleh Pelanggan sebagai cagaran dan tidak lien boleh diwujudkan untuk tujuan yang sama.
 - (iii) Pelanggan harus menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan harus memberitahu Bank secara bertulis dengan sertamerta. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan gantian apabila ganti rugi telah diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan.
 - (iv) Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat daripada kecuaiannya Pelanggan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab bagi pengeluaran tipuan dari akaun Pelanggan itu disebabkan oleh kehilangan tersebut.

8. WEALTH SAVER-i

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard.

- a. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang, di mana pemulangan pinjaman tersebut (wang yang didepositkan oleh Pelanggan) adalah dijamin oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang di dalam akaun tersebut. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan konsep Syariah yang lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- b. Bagi Akaun Buku Simpanan-i Sahaja
 - (i) Setiap Pelanggan yang membuka Wealth Saver-i dengan Bank mestilah diberikan Buku Simpanan yang harus dikemukakan, bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila diminta oleh pihak Bank. Catatan dalam Buku Simpanan hanya sah jika diparapi oleh Pegawai Bank yang dibenarkan. Pelanggan harus memeriksa Buku Simpanan selepas setiap

transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi memastikan catatan yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatat pada masa Buku Simpanan dikemaskini, sistem akan menggabungkan transaksi tersebut kepada satu (1) debit dan satu (1) kredit transaksi dan memasukkan gabungan angka tersebut ke dalam Buku Simpanan.

- (ii) Buku simpanan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diberikan atau dijanjikan oleh Pelanggan sebagai cagaran dan tidak lien boleh diwujudkan untuk tujuan yang sama.
- (iii) Pelanggan harus menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan harus memberitahu Bank secara bertulis dengan sertamerta. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan gantian apabila ganti rugi telah diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan.
- (iv) Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat daripada kecuaiannya Pelanggan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab bagi pengeluaran tipuan dari akaun Pelanggan itu disebabkan oleh kehilangan tersebut.

9. AKAUN AFFIN GOLD-i

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard.

- a. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang, di mana pemulangan pinjaman tersebut (wang yang didepositkan oleh Pelanggan) adalah dijamin oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang di dalam akaun tersebut. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan konsep Syariah yang lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- b. Pelanggan mempunyai pilihan untuk memilih Akaun Simpanan AFFIN Gold-i (dengan kemudahan penyata atau buku simpanan) atau Akaun Semasa AFFIN Gold-i dengan kemudahan penyata.
- c. RM10 akan dicaj pada setiap Jun dan Disember jika baki purata bagi enam (6) bulan terakhir kurang daripada RM1,000.00 bagi akaun semasa Akaun Affin Gold-i sahaja.
- d. Bagi Akaun Buku Simpanan-i Sahaja
 - (i) Setiap Pelanggan yang membuka Akaun Affin Gold-i dengan Bank mestilah diberikan Buku Simpanan yang harus dikemukakan, bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila diminta oleh pihak Bank. Catatan dalam Buku Simpanan hanya sah jika diparapi oleh Pegawai Bank yang dibenarkan. Pelanggan harus memeriksa Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi memastikan catatan yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatat pada masa Buku Simpanan dikemaskini, sistem akan menggabungkan transaksi tersebut kepada satu (1) debit dan satu (1) kredit transaksi dan memasukkan gabungan angka tersebut ke dalam Buku Simpanan.
 - (ii) Buku simpanan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diberikan atau dijanjikan oleh Pelanggan sebagai cagaran dan tidak lien boleh diwujudkan untuk tujuan yang sama.
 - (iii) Pelanggan harus menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Jika Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan harus memberitahu Bank secara bertulis dengan sertamerta. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan gantian apabila ganti rugi telah diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan.

- (iv) Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat daripada kecuaiannya Pelanggan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab bagi pengeluaran tipuan dari akaun Pelanggan itu disebabkan oleh kehilangan tersebut.

10. AFFIN eSaver-i

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard.

- a. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang, di mana pemulangan pinjaman tersebut (wang yang didepositkan oleh Pelanggan) adalah dijamin oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang di dalam akaun tersebut. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan konsep Syariah yang lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- b. Pelanggan adalah diminta untuk mengemaskini maklumat seperti fasal 10 di dalam TSU dan memasukkan deposit permulaan untuk AFFIN eSaver-i di mana-mana cawangan AFFIN ISLAMIC/AFFINBANK dalam tempoh empat belas (14) hari.
- c. Jika Pelanggan gagal memasukkan deposit permulaan dalam tempoh empat belas (14) hari di mana baki kekal sifar, pihak Bank mempunyai hak untuk menutup akaun AFFIN eSaver-i Pelanggan secara automatik.
- d. Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan pembukaan AFFIN eSaver-i mengikut budi bicaranya.
- e. Akaun bersama tidak dibenarkan.
- f. Deposit minimum untuk pembukaan akaun adalah RM250.00 dan akan dihadkan pada setiap masa iaitu Pelanggan tidak dibenarkan utk mengeluarkan/debit dari akaun AFFIN eSaver-i jika baki akaun adalah kurang atau sama RM250.00
- g. Pelanggan adalah dibenarkan untuk memohon satu (1) produk AFFIN eSaver-i atau AFFIN eSaver.
- h. Untuk penutupan akaun, Pelanggan diminta melakukannya melalui kaunter di cawangan asal.
- i. Semua terma dan syarat adalah seperti TSU Bank yang terpakai.

11. AKAUN MATA WANG ASING-i

Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Qard.

- a. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang, di mana pemulangan pinjaman tersebut (wang yang didepositkan oleh Pelanggan) adalah dijamin oleh pihak Bank. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang di dalam akaun tersebut. Pihak Bank mempunyai hak untuk menggunakan konsep Syariah yang lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- b. Apa-apa akaun boleh dibuka menurut budi bicara Bank dan hanya berdasarkan rujukan serta dokumen pengenalan juga dokumen untuk membuka akaun yang diperoleh dan diisi sepenuhnya serta memuaskan menurut keperluan Bank.

- c. Kad ATM dan buku tidak akan dikeluarkan kepada pemegang akaun bagi Akaun Mata Wang Asing.
- d. Deposit yang dimasukkan ke dalam Akaun Mata Wang Asing dalam wang kertas dan wang syiling asing tidak dibenarkan. Wang eksport atau bukan eksport boleh didepositkan hanya melalui pertukaran Ringgit Malaysia kepada mata wang asing, pembayaran peminjaman mata wang asing, pemindahan bertelegraf, draf bank asing, cek atau instrumen boleh niaga dalam bentuk dan bahan yang boleh diterima.
- e. Pengeluaran daripada Akaun Mata Wang Asing tidak dibenarkan dalam bentuk wang kertas dan wang syiling asing.
- f. Pelanggan juga boleh menguruskan Akaun Semasa atau Simpanan Ringgit Malaysia ("RM") dengan Bank bagi memudahkan pertukaran RM kepada Matawang Asing dan Matawang Asing kepada RM.
- g. Membuka dan meneruskan operasi Akaun Mata Wang Asing tertakluk pada kaedah, peraturan dan had yang ditetapkan oleh Jabatan Pentadbiran Mata Wang Asing, BNM.
- h. Apabila dikehendaki, Pelanggan hendaklah memberikan apa-apa maklumat/dokumen sokongan yang dikehendaki kepada Bank bagi memastikan pematuhan Peraturan Pentadbiran Mata Wang Asing, pelaporan kawal selia atau untuk apa-apa alasan Bank yang dianggap munasabah atau perlu.
- i. Pelanggan hendaklah memastikan semua bayaran, pemindahan daripada atau ke dalam akaun mata wang asing dalam Bank atau Bank lain mematuhi peruntukan semasa Notis Peraturan Pentadbiran Mata Wang Asing ("Peraturan FEA") dan arahan yang dikeluarkan BNM menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") termasuk apa-apa pindaan padanya.
- j. Pelanggan hendaklah memastikan sumber dana untuk peletakan mematuhi peruntukan semasa Peraturan FEA dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia menurut FSA dan pindaan padanya.
- k. Apabila akaun dibuka oleh pengantara, termasuk peguam cara, Pelanggan hendaklah mengisytiharkan sama ada dana dipegang dalam amanah/dimiliki oleh Pemastautin atau Bukan Pemastautin dan memastikan dana yang dimiliki oleh Pemastautin dan Bukan Pemastautin diasingkan.
- l. Bank mempunyai budi bicara untuk menolak/tidak menerima/membatalkan apa-apa transaksi atau arahan jika Bank mengesyaki transaksi atau arahan tersebut tidak mematuhi undang-undang yang terpakai (termasuk tetapi tidak terhad kepada Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing), sekatan atau wang yang digunakan untuk transaksi tersebut diperolehi daripada sumber haram dan/atau transaksi tersebut digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang dan/atau jika apa-apa maklumat dan/atau dokumen yang disediakan untuk menyokong transaksi atau arahan ini tidak memuaskan Bank.
- m. Bank boleh mendebitkan akaun FCY Pelanggan jika akaun melebihi had yang ditetapkan di bawah Kawalan Pentadbiran Pertukaran Asing Malaysia. Lebihan itu akan ditukar kepada Ringgit pada kadar belian semasa Bank dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan, dan Pelanggan tidak boleh membuat tuntutan terhadap Bank bagi apa-apa kerugian bagi pertukaran/perolehan

yang dialami atau yang terhasil daripadanya melainkan ia secara langsung disebabkan oleh kelalaian, kecuaiian atau penipuan Bank.

- n. Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi bagi apa-apa tindakan yang boleh diambil oleh Bank untuk mematuhi kaedah, peraturan dan had yang dikenakan di bawah Peraturan FEA, tertakluk pada pengecualian tanggung rugi seperti di atas.
- o. Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk menjalankan penukaran mata wang bagi pihaknya mengikut mata wang pilihan/dipilih dan perkara yang sama terpakai sebaliknya. Kadar penukaran yang dipersetujui akan ditentukan oleh Bank setiap hari.

12. AKAUN PELABURAN AM-i

- a. Akaun ini adalah berasaskan prinsip Syariah Mudarabah. Di bawah konsep Mudarabah, Pelanggan akan melantik pihak Bank (juga dikenali sebagai “Mudarib” atau “Usahawan”) untuk mengusahakan dana yang telah didepositkan atau akan didepositkan oleh Pelanggan (juga dikenali sebagai “Rabbul Mal” atau “Pelabur”) untuk pelaburan atau tujuan lain yang patuh Syariah. Keuntungan daripada pelaburan dalam aktiviti patuh Syariah akan dikongsi antara dua pihak, iaitu Bank dan Pelanggan mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan yang dipersetujui. Sekiranya berlaku kerugian daripada pelaburan, ianya akan ditanggung oleh Pelanggan kecuali dalam kes di mana terdapat bukti langsung penipuan, kecuaiian atau pelanggaran terma kontrak oleh pihak Bank dalam pengurusan dana.
- b. Kadar disebut bagi Akaun Pelaburan Am hendaklah berada di Nisbah Perkongsian Keuntungan yang dipersetujui antara Pelanggan Tempoh yang mana wang boleh disimpan dalam Akaun Pelaburan Am adalah bagi tempoh satu (1) bulan dan dalam gandaan satu (1) bulan hingga tempoh enam puluh (60) bulan.
- c. Jumlah minimum bagi deposit sebulan adalah RM5,000.00.
- d. Apabila Akaun Pelaburan Am ditebus sebelum matang, syarat-syarat yang berikut adalah diterima pakai:
 - (i) Tiada keuntungan akan dibayar bagi mana-mana deposit satu (1) bulan yang belum habis tempoh penuhnya.
 - (ii) Dividen kena bayar untuk meningkatkan taraf pramatang akan dibayar mengikut bilangan bulan siap berdasarkan kadar dividen tempoh terdekat.
- e. Pembayaran dividen:
 - (i) Dividen bagi Akaun Pelaburan Am dua belas (12) bulan dan ke bawah di bayar apabila matang.
 - (ii) Keuntungan interim bagi Akaun Pelaburan Am tiga belas (13) bulan dan ke atas akan dibayar setiap enam (6) bulan dan apabila matang.
 - (iii) Kadar pengiraan dividen untuk GIA hendaklah berdasarkan kepada jumlah sebenar hari berdasarkan formula dividen.
- f. Pengeluaran separa bagi Akaun Pelaburan Am adalah dibenarkan jika: -
 - (i) Ia merupakan akaun perseorangan, bersama atau minor.
 - (ii) Baki Akaun Pelaburan Am hendaklah lebih daripada RM20,000.00 selepas pengeluaran atau jumlah lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - (iii) Ia dibuat dalam gandaan RM5,000 atau mana-mana jumlah yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

(iv) Tempoh Akaun Pelaburan Am adalah dua belas (12) bulan dan ke bawah.

Jika tiada arahan yang diterima oleh Bank daripada Pendeposit, Akaun Pelaburan Am akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa Bank bagi tempoh Akaun Pelaburan Am yang sama apabila matang.

- j. Jika terdapat apa jua ketidak sejajaran antara bukti fizikal resit Akaun Pelaburan Am yang dikeluarkan oleh Pendeposit atau bukti lain dalam apa jua pun bentuk/deskripsi dan penyata akaun Bank, yang terkemudian akan digunakan berkenaan dengan ketidaktekalan tersebut.

13. DEPOSIT BERJANGKA-i AFFIN ISLAMIC ("AITD-i")

- a. Produk ini adalah berasaskan prinsip Syariah Wakalah dengan berdasarkan Komoditi Murabahah. Di bawah konsep Wakalah, bagi pihak Pelanggan, pihak Bank akan mengendalikan dan melaksanakan transaksi pembelian dan penjualan komoditi patuh Syariah yang tertentu (Komoditi yang terdiri daripada minyak sawit mentah (CPO), getah atau apa-apa komoditi lain yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi) yang akan dikenal pasti dan digunakan sebagai aset asas dalam transaksi pembelian dan penjualan menggunakan deposit Pelanggan. Untuk tujuan ini, pihak Bank selaku ejen kepada Pelanggan akan melaksanakan urusan niaga Murabahah di mana pihak Bank hendaklah, semasa tempoh deposit dan apa-apa perletakan deposit berikutnya atau apa-apa pembaharuan, melaksanakan semua aktiviti pembelian dan penjualan Komoditi bagi pihak Pelanggan.
- b. Apabila menandatangani borang pembukaan akaun dan Surat Agensi, Pelanggan akan segera membayar Harga Belian Komoditi (bersamaan amaun deposit) kepada Bank. Bank sebagai ejen kepada Pelanggan kemudiannya atau pada Hari Perniagaan akan melaksanakan transaksi Murabahah. Selaku Agen kepada Pelanggan, Bank membeli komoditi tertentu secara tunai (pada harga bersamaan amaun deposit Pelanggan) daripada Broker A. Selaku Ejen bagi pihak Pelanggan, Bank kemudiannya menjual komoditi tersebut kepada pihak Bank itu sendiri berdasarkan Murabahah secara bayaran tertangguh. Harga Jualan tersebut merupakan jumlah deposit ditambah dengan keuntungan yang boleh dibayar kepada Pelanggan. Seterusnya, pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada Broker B secara tunai dan segera. Pada tarikh matang, Bank membayar kepada Pelanggan pada harga Jualan, yang terdiri daripada deposit ditambah dengan keuntungan.
- c. Pihak Bank akan memasuki setiap transaksi atas nama Pelanggan dengan pendedahan sepenuhnya. Pihak Bank sebagai ejen akan menjaga kepentingan Pelanggan sebaiknya dan bertindak dengan niat baik dalam melaksanakan kewajipan dan dalam mengendalikan transaksi.
- d. Pihak Bank akan diberi kuasa untuk menugaskan hak kuasa dan kerja-kerjanya sebagai ejen seperti yang dinyatakan di sini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan transaksi yang diperlukan.
- e. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab ke atas transaksi Komoditi Murabahah yang dimeterai oleh pihak Bank sebagai ejen mengikut terma dan syarat ini, kecuali dan jika tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang timbul secara langsung daripada kecuai melampau, salah laku, kegagalan atau penipuan ejen.
- f. Pihak Bank seharusnya tidak diwajibkan untuk membuat sebarang transaksi, atau mematuhi apa-apa arahan Pelanggan, jika pada pendapat pihak Bank dengan memasuki transaksi atau mengikuti arahan tersebut, pihak Bank atau mana-mana sekutunya akan menyalahi atau melanggar mana-mana undang-undang, dasar, atau peraturan.

- g. Pihak Bank akan, dalam melaksanakan tanggungjawab dan aktiviti dalam transaksi Komoditi Murabahah, menjaga kepentingan Pelanggan dan bertindak dengan niat baik.
- h. Pelanggan mempunyai hak untuk meminta penghantaran fizikal komoditi tertakluk pada keperluan dan mematuhi peraturan pembekal platform perdagangan komoditi. Sekiranya Pelanggan memutuskan untuk meminta penghantaran fizikal Komoditi, pengaturan itu akan dibuat antara Pelanggan dan pembekal platform dagangan komoditi sendiri dan semua kos dan perbelanjaan akan ditanggung oleh Pelanggan.
- i. Pelanggan bersetuju bahawa dana (deposit) yang diterima oleh pihak Bank hendaklah dianggap sebagai Qard (Pinjaman) sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan urus niaga Tawarruq pada hari yang sama dana (deposit) diterima daripada Pelanggan disebabkan keadaan berikut :
 - a) perniagaan/operasi ditutup seperti biasa termasuk cuti umum dan cuti negeri yang lain; atau
 - b) gangguan yang tidak dijangka kepada operasi termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan sistem, 'force majeure' atau cuti umum serta hari kelepasan am yang tidak dijangka; atau
 - c) tempoh munasabah yang diperlukan oleh pihak Bank untuk memproses permohonan Tawarruq daripada Pelanggan.
- j. Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan memastikan pihak Bank ditanggung rugi terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dikemukakan atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh pihak Bank akibat daripada urus niaga transaksi Tawarruq. Tanggung rugi tidak akan terpakai jika tuntutan atau prosiding langsung disebabkan oleh kecuaiian, kegagalan atau penipuan Bank. Tanggung rugi yang diberikan hendaklah mengekalkan penamatan terma dan syarat ini dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar di bawah ia tidak tertakluk pada apa-apa potongan, sama ada dengan cara menolak tuntutan balas atau sebaliknya.
- k. Pihak Bank boleh mengkreditkan keuntungan ke dalam akaun Pelanggan sama ada secara bayaran pendahuluan, bulanan atau apabila matang. Bayaran pendahuluan keuntungan tersebut akan dibayar satu (1) hari atau mana-mana hari lain selepas transaksi Tawarruq telah selesai dan dianggap sesuai oleh pihak Bank melalui pengkreditan Akaun Semasa atau Simpanan Islamik (CASA-i) Pelanggan. Untuk bayaran bulanan, jumlah yang akan diterima oleh Pelanggan adalah bersamaan dengan jumlah keuntungan yang akan diagihkan untuk bulan tersebut melalui pengkreditan Akaun Semasa atau Simpanan Islamik (CASA-i) Pelanggan manakala bagi keuntungan pada tarikh matang, pihak Bank akan membayar kepada Pelanggan keseluruhan jumlah keuntungan secara sekali gus atau enam (6) bulan mengikut mana-mana yang berkenaan.
- l. Pembayaran hendaklah dibuat kepada penandatanganan AITD-i yang diberi kuasa apabila pengenalan diri yang sah ditunjukkan .
- m. Pelanggan yang memilih untuk keuntungan pendahuluan atau keuntungan bulanan digalakkan untuk mempunyai sama ada Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Islamik (CASA-i) dengan Bank untuk memudahkan pengkreditan keuntungan.
- n. Kadar keuntungan disebut akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- o. Bagi pendeposit individu, pihak Bank akan memaparkan di dalam premis cawangan kadar tetap pulangan ke atas pelaburan iaitu keuntungan.

- p. Tempoh yang mana wang boleh diletakkan pada AITD-i adalah di antara satu (1) bulan hingga enam puluh (60) bulan seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Jumlah minimum akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- q. Bagi kes yang mana kaedah deposit adalah cek dan sekiranya cek tersebut dipulangkan atau dikembalikan setelah pengeluaran Makluman, pihak Bank berhak untuk menutup AITD-i dan menganggap Makluman sebagai dibatalkan dan tidak sah sama ada Makluman tersebut dikembalikan atau tidak kepada pihak Bank untuk pembatalan. Dalam kes ini, Pelanggan dianggap gagal membuat bayaran Harga Belian pada tarikh urus niaga Komoditi Murabahah berkenaan, maka Pelanggan akan menanggung semua kerugian sebenar dan membayar ganti rugi kepada pihak Bank menurut perkara b. di atas.
- r. Pembaharuan
 - i) Pembaharuan adalah dibenarkan apabila matang. Nota Makluman baharu akan dikeluarkan kepada Pelanggan.
 - ii) Dalam kes pembaharuan apabila matang, keuntungan boleh dilaburkan semula bersama-sama dengan jumlah pokok, bagi tempoh yang sama melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Pelanggan.
 - iii) Untuk keuntungan pendahuluan dan bulanan, hanya jumlah pokok sahaja boleh dilaburkan semula bagi tempoh yang sama melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Pelanggan.
 - iv) Sekiranya pihak Bank tidak menerima apa-apa arahan bertulis daripada Pelanggan, apabila matang, AITD-i akan diperbaharui secara automatik bersama-sama dengan keuntungan, jika ada, (kecuali keuntungan awal dan bulanan, pembaharuan adalah untuk jumlah pokok sahaja) pada kadar semasa Bank untuk tempoh yang sama. Selepas pembaharuan atau pada Hari Perniagaan berikutnya (seperti yang ditakrifkan dalam item r bawah), pihak Bank sebagai Ejen kepada Pelanggan akan melaksanakan urus niaga Komoditi Murabahah.
 - v) Perkara (i) sehingga (iv) di atas adalah terpakai untuk peletakan AITD-i dari satu (1) sehingga sebelas (11) bulan dan peletakan sedia ada sebelum 1 November 2019.
- s. Tambah nilai tidak dibenarkan yang pada bila-bila masa sepanjang tempoh tersebut. Pelanggan boleh meletakkan atau membuat deposit baru, di mana, Bank akan menganggap sebagai penempatan baharu dan Makluman akan dikeluarkan kepada Pelanggan.
- t. Untuk Pembayaran Awal (pengeluaran sebelum matang), Pelanggan bersetuju untuk memberi Ibra' (rebat) ke atas semua keuntungan yang dikontrakkan sekiranya pengeluaran dibuat sebelum tarikh matang. Tiada keuntungan akan dibayar kepada pelanggan.

Pihak Bank akan menolak daripada jumlah pokok/ prinsipal, jumlah awal yang dikreditkan sebagai keuntungan seperti keadaan pengeluaran pra-pamatang seperti yang dinyatakan di atas sebagai contoh di dalam kes-kes di mana keuntungan telah dikreditkan ke dalam CASA-i.

Untuk peletakan atau pembaharuan AITD-i yang dibuat sebelum 1 Ogos 2018, pihak Bank boleh membayar keuntungan mengikut syarat pengeluaran sebelum matang seperti ilustrasi di bawah:

Tarikh Peletakan Baru atau Pembaharuan	Tarikh Pengeluaran Sebelum Matang	Pengeluaran Sebelum Matang
Sebelum 1 Ogos 2018	Sebelum 1 Januari 2019 Pada 1 Januari 2019	Untuk Pembayaran Awal (pengeluaran sebelum matang) Pelanggan hendaklah bersetuju untuk memberi Ibra' (rebat) atas sebahagian atau semua keuntungan yang telah dikontrakkan kepada pihak Bank seperti berikut: (a) Dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembukaan akaun - Tiada keuntungan akan dibayar oleh pihak Bank. Pelanggan akan melepaskan hak pada keuntungan yang dikontrakkan secara keseluruhan. (b) Lebih tiga (3) bulan dari tarikh pembukaan akaun. - Bank hendaklah membayar hanya 50% daripada keuntungan yang dikira berdasarkan tempoh (bulan) yang lengkap. Pelanggan akan melepaskan hak ke atas keuntungan yang dikontrakkan selebihnya.
Pada 1 Ogos 2018	Sebelum 1 Januari 2019	
	Pada 1 Januari 2019	Untuk Pembayaran Awal (pengeluaran sebelum matang), Pelanggan bersetuju untuk memberi Ibra' (rebat) ke atas semua keuntungan yang dikontrakkan sekiranya pengeluaran dibuat sebelum tarikh matang. Tiada keuntungan akan dibayar kepada Pelanggan.

- u. Pengeluaran pramatang separa adalah tidak dibenarkan.
- v. Jika terdapat apa jua ketidak sejajaran antara bukti fizikal maklumat AITD-i yang dikeluarkan oleh Pelanggan atau keterangan lain dalam apa jua bentuk/deskripsi dan penyata akaun Bank, yang terkemudian akan digunakan berkenaan dengan ketidak sejajaran tersebut.
- w. Bukti dokumentari AITD-i yang dikeluarkan oleh Pelanggan tidak boleh digunakan untuk membuat tuntutan terhadap Bank dan sekiranya berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan antara rekod Bank daripada Pelanggan; rekod Bank akan diguna pakai bagi semua maksud dan tujuan.
- x. Bagi tujuan transaksi Komoditi Murabahah dan terma dan syarat ini, terma "Hari Perniagaan" bermaksud hari (tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) yang mana Bank dibuka untuk perniagaan di Malaysia.

14. AKAUN SEMASA DAN SIMPANAN YANG DITAWARKAN DI BAWAH TAWARRUQ (“AKAUN”)

- a. Terpakai untuk akaun-akaun berikut:
- (i) Akaun Simpanan AFFIN Grow-i
 - (ii) Akaun Semasa AFFIN Grow-i;
 - (iii) AFFIN AVANCE™ Savvy-i;
 - (iv) Akaun-i AFFIN INVIKTA™;
 - (v) AFFIN Barakah Charity Account-i;
 - (vi) Akaun Semasa dan Simpanan lain berasaskan konsep Syariah Tawarruq.
- b. Kontrak Syariah Komoditi Murabahah (Tawarruq)
- (i) Akaun ini adalah berasaskan prinsip Syariah Tawarruq/Komoditi Murabahah. Kontrak Syariah ini adalah berasaskan kepada konsep Murabahah (kos campur untung), yang mana Komoditi Patuh Syariah yang tertentu (Komoditi yang terdiri daripada minyak sawit mentah (CPO), getah atau apa-apa komoditi lain yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi) yang akan dikenalpasti dan digunakan sebagai aset pendasar bagi transaksi jual dan beli antara pihak Bank dan Pelanggan. Untuk melaksanakan transaksi pendasar bagi akaun, Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian (seperti yang ditakrifkan dalam perkara e.(i) di bawah) daripada pembekal dan selepas itu, menjual Komoditi kepada Bank pada Harga Jualan (seperti yang ditakrifkan dalam perkara e.(i) di bawah) berdasarkan Murabahah yang akan dibayar kepada Pelanggan pada akhir tempoh (dengan mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Selanjutnya, Bank menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai.
 - (ii) Pelanggan bersetuju bahawa dana (deposit) yang diterima oleh pihak Bank perlu dianggap sebagai Qard (Pinjaman) yang mana sekiranya pihak Bank tidak berupaya untuk melaksanakan transaksi Tawarruq pada hari yang sama dana (deposit) diterima dari Pelanggan disebabkan perkara-perkara berikut:
 - I. Penutupan perniagaan/operasi normal termasuk cuti umum dan cuti negeri lain.
 - II. Gangguan yang tidak dijangka pada operasi termasuk tetapi tidak terbatas pada, kerosakan sistem, *force majeure* atau cuti yang tidak dijangka.
 - III. Tempoh yang munasabah (yang mana tidak lewat daripada tiga (3) Hari Perniagaan) yang diperlukan pihak Bank bagi memproses permohonan Tawarruq daripada Pelanggan.
- c. Pelantikan Ejen
- (i) Pelanggan bersetuju untuk melantik pihak Bank dan pihak Bank bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai ejen Pelanggan untuk melakukan dan melaksanakan pembelian dan penjualan Komoditi mengikut terma dan syarat ini. Bank diberi kuasa oleh Pelanggan untuk berunding dengan, termasuk tetapi tidak terhad pada peniaga Komoditi, firma perindustrian, pembekal mereka dan pelanggan mereka bagi pihak Pelanggan berhubung dengannya.
 - (ii) Sebaik sahaja menandatangani borang pembukaan akaun dan lain-lain dokumen, dan pada hari berikutnya, Pelanggan perlu membayar Harga Belian Komoditi kepada pihak Bank. Pihak Bank sebagai ejen kepada Pelanggan kemudiannya, pada Hari Perniagaan (seperti yang ditakrifkan dalam perkara c.(iv) di bawah yang berikutnya) akan memasuki transaksi Komoditi Murabahah. Sebagai ejen kepada Pelanggan, pihak Bank membeli komoditi tertentu secara tunai (pada harga yang bersamaan dengan Harga Belian) daripada Broker A. Selaku ejen bagi pihak Pelanggan lagi, pihak Bank kemudiannya menjual komoditi tersebut kepada pihak Bank itu sendiri secara bayaran tertanggung pada Harga Jualan. Kemudian, pihak Bank menjual komoditi

tersebut kepada Broker B secara tunai dan segera. Pada tarikh matang, pihak Bank membayar kepada Pelanggan pada Harga Jualan (dengan mengambil kira sebarang rebat, jika ada).

- (iii) Pihak Bank akan memasuki setiap transaksi atas nama Pelanggan dengan pendedahan sepenuhnya. Pihak Bank sebagai ejen akan menjaga kepentingan Pelanggan sebaiknya dan bertindak dengan niat baik dalam melaksanakan kewajipan dan dalam mengendalikan transaksi.
- (iv) Pihak Bank akan diberi kuasa untuk menugaskan hak kuasa dan kerja-kerjanya sebagai ejen seperti yang dinyatakan di sini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan transaksi yang diperlukan.
- (v) Pelanggan hendaklah bertanggungjawab ke atas transaksi Komoditi Murabahah yang dimeterai oleh pihak Bank sebagai ejen mengikut terma dan syarat ini, kecuali dan jika tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang timbul secara langsung daripada kecuaiian melampau, kegagalan atau penipuan ejen.
- (vi) Pihak Bank seharusnya tidak diwajibkan untuk membuat sebarang transaksi, atau mematuhi apa-apa arahan Pelanggan, jika pada pendapat pihak Bank dengan memasuki transaksi atau mengikut arahan tersebut, pihak Bank atau mana-mana sekutunya akan menyalahi atau melanggar mana-mana undang-undang, dasar, atau peraturan.
- (vii) Pihak Bank akan, dalam melaksanakan tanggungjawab dan aktiviti dalam transaksi Komoditi Murabahah, menjaga kepentingan Pelanggan dan bertindak dengan niat baik.
- (viii) Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan apa saja yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau yang ditanggung atau dikekalkan oleh pihak Bank disebabkan pihak Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan di bawah transaksi Komoditi Murabahah atau pelanggaran oleh Pelanggan terhadap kewajipannya di dalam terma dan syarat ini, melainkan tuntutan atau kerugian sedemikian secara langsung disebabkan oleh kecuaiian, kegagalan atau penipuan Bank. Indemniti yang diberikan akan bertahan walaupun penghentian hubungan agensi dan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar berhubung dengan indemniti tersebut tidak akan tertakluk pada apa-apa potongan sama ada dengan cara tolak selesai tuntutan balas atau sebaliknya.

d. Transaksi Komoditi Murabahah

- (i) Pihak Bank akan memasuki transaksi Komoditi Murabahah berdasarkan amaun Deposit Bersih Harian seperti dalam senario berikut:
 - I. Baki Penghujung Hari ("BPH") pada hari pembukaan akaun.
 - II. Sebarang peningkatan deposit pada baki BPH pada mana-mana hari tertentu, tidak termasuk cek terapung.
 - III. Baki BPH pada 31 Disember setiap tahun.
- (ii) BPH merujuk pada baki akaun pada jam 2359 pada mana-mana hari.
- (iii) Transaksi Komoditi Murabahah akan berlaku setiap hari pada Hari Perniagaan berikutnya selepas peletakan deposit (T+1).
- (iv) Untuk tujuan transaksi Komoditi Murabahah dan terma dan syarat ini, terma "Hari Perniagaan" bermaksud hari tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- (v) Tempoh masa akan bermula dari tarikh peletakan deposit sehingga 31 Disember pada setiap tahun (“Tarikh Matang”).
- (vi) Pada Tarikh Matang, pihak Bank akan melaburkan semula jumlah baki BPH di dalam Akaun Pelanggan dan akan memasuki Transaksi Komoditi Murabahah baharu untuk satu tempoh yang akan matang pada 31 Disember pada tahun berikutnya.
- (vii) Pelanggan mempunyai hak untuk meminta penghantaran fizikal komoditi tertakluk pada keperluan dan mematuhi peraturan pembekal platform perdagangan komoditi. Sekiranya Pelanggan memutuskan untuk meminta penghantaran fizikal Komoditi, pengaturan itu akan dibuat antara Pelanggan dan pembekal platform dagangan komoditi sendiri dan semua kos dan perbelanjaan akan ditanggung oleh Pelanggan.
- (viii) Pembekal platform dagangan komoditi adalah merujuk kepada platform dagangan multi-komoditi seperti Bursa Suq Al Sila’ atau mana-mana platform dagangan komoditi lain yang melaksanakan transaksi Tawarruq dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

e. Deposit Cagaran (Hamish Jiddiyah)

- (i) Hamish Jiddiyah adalah jumlah deposit cagaran yang akan dikreditkan ke akaun Pelanggan pada Hari Kredit Keuntungan. Pada Hari Kredit Keuntungan, jumlah keuntungan terakru untuk tempoh tertentu akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai penyelesaian sebahagian/penuh Harga Jualan oleh Bank bagi transaksi Murabahah untuk tempoh tersebut.
- (ii) Hamish Jiddiyah merujuk kepada apa-apa amaun yang dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebelum transaksi Komoditi Murabahah.
- (iii) Hamish Jiddiyah diberikan sebagai jaminan dari Bank kepada Pelanggan untuk membeli Komoditi dari Pelanggan pada Tarikh Pembelian tersebut.
- (iv) Deposit cagaran adalah berdasarkan formula berikut:

Deposit Cagaran	=	$\frac{\text{Baki Penghujung Hari X KKE X n}}{365 \text{ atau } 366^*}$
Yang mana;		
KKE = Kadar Keuntungan Efektif		
n = Bilangan hari sebelum Perdagangan Komoditi yang berlaku sebelum Hari Kredit Keuntungan, tertakluk pada hari tidak bekerja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		
<i>*366 digunakan semasa tahun lompat</i>		

- (v) Hamish Jiddiyah tidak boleh digunakan oleh Pelanggan sebelum Perdagangan Komoditi.
- (vi) Hamish Jiddiyah hendaklah dikembalikan kepada pihak Bank sekiranya Transaksi Komoditi Murabahah tidak berlaku seperti penutupan akaun sebelum Perdagangan Komoditi.
- (vii) Sebaik sahaja Perdagangan Komoditi dilakukan, Hamish Jiddiyah akan ditolak selesai daripada sebahagian Harga Jualan.

f. Pengiraan Keuntungan

- (i) Harga Jualan dikira berdasarkan formula berikut:

Harga Jualan = Harga Beli + Keuntungan Kontrak

Yang mana;

Harga Jualan = jumlah yang perlu dibayar oleh Bank untuk memperoleh Komoditi dari Pelanggan atas dasar Murabahah yang terdiri daripada harga pembelian Komoditi (deposit bersih harian) dan keuntungan kontrak.

Harga Belian = jumlah yang bersamaan dengan Deposit Bersih Pelanggan (seperti dalam senario di bawah perkara c.(i)) yang akan digunakan untuk membeli Komoditi pada Hari Dagangan

Keuntungan Kontrak dikira berdasarkan formula berikut:

I. Dagangan Tahunan untuk Baki Penghujung Hari sehingga 31hb Disember (dan tahun-tahun berikutnya)

Keuntungan Kontrak = $\frac{\text{Baki Penghujung Hari Bagi Tahun X KKK X Tempoh (dalam hari)}}{365 \text{ atau } 366^*}$

**366 digunakan semasa tahun lompat*

II. Pengiraan perdagangan harian untuk sebarang Deposit Bersih Harian yang positif

Keuntungan Kontrak = $\frac{\text{Deposit Bersih Harian X KKK X Tempoh (dalam hari)}}{365 \text{ atau } 366^*}$

Yang mana;

KKK = Kadar Keuntungan Kontrak

**366 digunakan semasa tahun lompat*

III. Keuntungan Sebenar akan terakru setiap hari (termasuk cek terapung*) dan dibayar pada setiap akhir bulan. Keuntungan Sebenar adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ("KKE") seperti formula berikut:

Keuntungan Sebenar = $\frac{\text{Baki EOD X KKE X Bilangan hari}}{365 \text{ atau } 366^*}$

**366 digunakan semasa tahun lompat*

*Sekiranya cek dikembalikan, Bank akan membuat pelarasan pada keuntungan sebenar harian yang terakru dalam akaun Pelanggan. Pelarasan akan dibuat berdasarkan bilangan hari daripada hari cek didepositkan.

- (ii) Bank akan menentukan KKE dan KKK dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan. Notis akan dipamerkan di www.affinislamic.com.my dan juga tersedia di premis Bank. KKE yang diisytiharkan oleh Bank adalah bersamaan dengan kadar semasa Bank. Untuk KKK akan dikira berdasarkan yang berikut:
 - I. Untuk satu kadar rata, KKK akan berdasarkan kepada KKE.
 - II. Untuk kadar keuntungan berperingkat, KKK akan dikira pada kadar tertinggi KKE.
- (iii) Apa-apa keuntungan berlebihan/tambahan yang dibayar oleh Bank hendaklah dianggap sebagai hadiah (hibah).

g. Rebat (Ibra')

(i) Pelanggan hendaklah bersetuju untuk memberikan Rebat (Ibra') ke atas mana-mana bahagian keuntungan yang terakru dan/atau tidak terakru tertakluk pada kejadian tertentu termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- I. Pengeluaran dana sebelum matang
- II. Penamatan/Penutupan Akaun
- III. Perbezaan antara KKK dan KKE pada tarikh matang, memandangkan Harga Jualan adalah dikira menggunakan KKK yang melebihi keuntungan agregat sepanjang tahun yang mana dikira menggunakan KKE berdasarkan kepada formula berikut:

Formula: Agregat Keuntungan Kontrak – Agregat Keuntungan Yang Dibayar

h. Penyata Akaun dan Notis Tawarruq

- (i) Penyata akan diberikan sekali sebulan atau pada kekerapan lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- (ii) Notis Tawarruq akan disediakan apabila diminta oleh Pelanggan yang memperincikan:
 - I. Urusniaga Komoditi Murabahah untuk bulan tersebut
 - II. Harga Jualan
 - III. Keuntungan Kontrak bagi Tahun Semasa
 - IV. Keuntungan Sebenar Yang Telah Dibayar bagi Tahun Semasa
- (iii) Pelanggan boleh meminta Notis Tawarruq tersebut di cawangan-cawangan kami di seluruh negara semasa waktu pejabat. Pihak Bank akan menghantar Notis Tawarruq tersebut melalui e-mel kepada e-mel Pelanggan atau melalui perkhidmatan pos kepada alamat terakhir Pelanggan dalam masa lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan Notis Tawarruq tersebut.
- i. Terma dan Syarat sedia ada bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i meliputi urus tadbir, pengendalian dan operasi adalah terpakai bagi akaun semasa dan simpanan yang ditawarkan di bawah Tawarruq.

j. Terpakai untuk AFFIN Barakah Charity Account-i

- i. Dalam permohonan pembukaan AFFIN Barakah Charity Account-i, Pelanggan yang layak akan dimaklumkan dan diberitahu bahawa produk ini mengandungi unsur kebajikan.
- ii. Pelanggan hendaklah memberi kuasa kepada pihak Bank sebagai ejen (Wakeel) melalui arahan bertulis untuk menolak keseluruhan atau sebahagian daripada keuntungan (jika ada) yang diperolehi untuk disumbangkan bagi tujuan kebajikan; dan kemudiannya mengagihkan dan menguruskan dana mengikut Polisi Dana Kebajikan Bank.
- iii. Pelanggan mempunyai pilihan sama ada untuk mendapatkan buku simpanan atau penyata.
- iv. Bagi Akaun Buku Simpanan-i Sahaja

- I. Setiap Pelanggan yang membuka Akaun AFFIN Barakah Charity Account-i dengan Bank mestilah diberikan Buku Simpanan yang harus dikemukakan, bagi setiap pengeluaran yang dibuat atau apabila diminta oleh pihak Bank. Catatan dalam Buku Simpanan hanya sah jika diparapi oleh Pegawai Bank yang dibenarkan. Pelanggan harus memeriksa Buku Simpanan selepas setiap transaksi sebelum meninggalkan kaunter Bank bagi

memastikan catatan yang betul telah dibuat. Jika terdapat lebih daripada 20 transaksi yang tidak dicatat pada masa Buku Simpanan dikemaskini, sistem akan menggabungkan transaksi tersebut kepada satu (1) debit dan satu (1) kredit transaksi dan memasukkan gabungan angka tersebut ke dalam Buku Simpanan.

- II. Buku simpanan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diberikan atau dijanjikan oleh Pelanggan sebagai cagaran dan lien juga tidak boleh diwujudkan untuk tujuan yang sama.
- III. Pelanggan perlu menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Sekiranya Buku Simpanan hilang atau musnah, Pelanggan harus memaklumkan kepada Bank secara bertulis dengan serta-merta. Bank akan mengeluarkan Buku Simpanan gantian apabila ganti rugi telah diberikan kepada Bank dan caj perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan.
- IV. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan Buku Simpanan oleh Pelanggan akibat daripada kecuaiannya Pelanggan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab bagi pengeluaran palsu dari akaun Pelanggan itu disebabkan oleh kehilangan tersebut.

15. DEPOSIT BERJANGKA MATA WANG ASING–i (FCTD-i)

- a. Produk ini adalah berasaskan prinsip Syariah Wakalah dengan dasar Komoditi Murabahah. Di bawah konsep Wakalah, bagi pihak Pelanggan, pihak Bank akan mengendalikan dan melaksanakan transaksi pembelian dan penjualan komoditi patuh Syariah yang tertentu (Komoditi yang terdiri daripada minyak sawit mentah (CPO), getah atau apa-apa komoditi lain yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi) yang akan dikenal pasti dan digunakan sebagai aset asas dalam transaksi pembelian dan penjualan menggunakan deposit Pelanggan. Untuk tujuan ini, pihak Bank selaku Ejen kepada Pelanggan akan melaksanakan urusan niaga Murabahah di mana pihak Bank hendaklah, semasa tempoh deposit dan apa-apa perletakan deposit berikutnya atau apa-apa pembaharuan berikutnya melaksanakan semua aktiviti pembelian dan penjualan Komoditi bagi pihak Pelanggan.
- b. Apabila menandatangani borang pembukaan akaun dan Surat Agensi, Pelanggan akan segera membayar Harga Belian Komoditi (bersamaan amaun deposit) kepada Bank. Bank sebagai Ejen kepada Pelanggan kemudiannya atau pada Hari Perniagaan akan melaksanakan transaksi Murabahah. Selaku Ejen kepada Pelanggan, Bank membeli komoditi tertentu secara tunai (pada harga bersamaan amaun deposit Pelanggan) daripada Broker A. Selaku Ejen bagi pihak Pelanggan, Bank kemudiannya menjual komoditi tersebut kepada pihak Bank itu sendiri secara bayaran tertanggung. Harga Jualan tersebut merupakan jumlah deposit ditambah dengan keuntungan yang boleh dibayar kepada Pelanggan. Seterusnya, pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada Broker B secara tunai dan segera. Pada tarikh matang, Bank membayar kepada Pelanggan pada harga, yang terdiri daripada deposit ditambah dengan keuntungan.
- c. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa dana (deposit) yang diterima oleh pihak Bank hendaklah dianggap sebagai Qard (Pinjaman) sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan urusan niaga Tawarruq pada hari yang sama dana (deposit) diterima daripada Pelanggan disebabkan keadaan berikut:
 - a) perniagaan/operasi ditutup seperti biasa termasuk cuti umum dan cuti negeri yang lain; atau
 - b) gangguan yang tidak dijangka kepada operasi termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan sistem, 'force majeure' atau cuti umum serta hari kelepasan am yang tidak dijangka; atau
 - c) tempoh munasabah yang diperlukan oleh pihak Bank untuk memproses permohonan Tawarruq daripada Pelanggan.
- d. Sehubungan itu, Pelanggan hendaklah mengganti rugi pihak Bank dan menghalang pihak Bank daripada bahaya dan terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dikemukakan, undang-undang atau sebaliknya (termasuk tetapi tidak

terhadap kepada semua kos undang-undang yang ditanggung oleh Bank atas peguamcara dan klien secara asas) yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh pihak Bank akibat daripada urusan niaga Komoditi Murabahah kecuali secara langsung disebabkan oleh kecuaiannya, kegagalan, atau penipuan Bank. Tanggung rugi yang diberikan hendaklah mengekalkan penamatan Terma dan Syarat ini dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar di bawah ia tidak tertakluk pada apa-apa potongan, sama ada dengan cara menolak tuntutan balas atau sebaliknya.

- e. Pembukaan dan penerusan operasi Deposit Berjangka Mata Wang Asing-i tertakluk pada kaedah, peraturan dan had yang ditetapkan oleh Jabatan Pentadbiran Mata Wang Asing, Bank Negara Malaysia.
- f. Apabila dikehendaki, Pelanggan hendaklah memberikan apa-apa maklumat/dokumen sokongan yang diperlukan oleh Bank bagi memastikan pematuhan Peraturan Pentadbiran Mata Wang Asing, laporan kawal selia atau untuk apa-apa alasan yang Bank menganggapnya munasabah atau perlu.
- g. Pelanggan hendaklah memastikan semua bayaran, pemindahan daripada atau ke dalam akaun mata wang asing dalam Bank atau Bank lain mematuhi peruntukan semasa Notis Peraturan Pentadbiran Mata Wang Asing (Peraturan FEA) dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan pindaan padanya.
- h. Wang yang didepositkan mestilah dalam akaun Ringgit Malaysia (RM) dan seterusnya ditukar kepada mata wang asing tertentu yang dipohon oleh Pelanggan pada kadar pertukaran Bank yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dalam perletakan FCTD-i.
- i. Pelanggan hendaklah mengekalkan Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (CASA-i) Ringgit Malaysia (RM) dengan Bank untuk tujuan caj kemudahan yang dikenakan oleh Bank atau pengkreditan belum terima dalam Ringgit Malaysia (RM). Bank hendaklah membayar pelanggan jumlah keuntungan keseluruhan secara bayaran sekali gus melalui pengkreditan Pelanggan CASA-i.
- j. Bayaran hendaklah dibuat kepada penandatanganan FCTD-i yang diberi kuasa apabila pengenalan diri yang sah ditunjukkan.
- k. Kadar keuntungan disebut akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- l. Bagi pendeposit individu, pihak Bank akan memaparkan di dalam premis cawangan kadar tetap pulangan ke atas pelaburan iaitu keuntungan.
- m. Tempoh yang mana wang boleh diletakkan pada FCTD-i adalah di antara dari minimum tujuh (7) hari sehingga 365 hari, 1, 3, 6, 9 dan 12 bulan atau seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Jumlah minimum akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- n. Pembaharuan
 - i) Pembaharuan adalah dibenarkan apabila matang. Makluman baru akan dikeluarkan kepada Pelanggan.
 - ii) Dalam kes pembaharuan apabila matang, keuntungan boleh dilaburkan semula bersama-sama dengan jumlah pokok, bagi tempoh yang sama melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Pelanggan.
 - iii) Sekiranya pihak Bank tidak menerima apa-apa arahan bertulis daripada Pelanggan, apabila matang, FCTD-i akan diperbaharui secara automatik bersama-sama dengan keuntungan, jika

ada, pada kadar semasa Bank untuk tempoh yang sama. Selepas pembaharuan atau pada Hari Perniagaan berikutnya (seperti yang ditakrifkan dalam item t bawah), pihak Bank sebagai Ejen kepada Pelanggan akan melaksanakan urus niaga Komoditi Murabahah.

- o. Tambah nilai tidak dibenarkan pada bila-bila masa sepanjang tempoh tersebut. Pelanggan boleh meletakkan atau membuat deposit baru, di mana, Bank akan menganggap sebagai penempatan baru dan Makluman akan dikeluarkan kepada Pelanggan.
- p. Untuk Pembayaran Awal (sebelum matang), Pelanggan hendaklah bersetuju untuk memberikan Ibra' (rebate) pada kelayakan keuntungan yang dikontrakkan daripada pihak Bank dimana Pelanggan perlu melepaskan semua hak pada keuntungan yang terkandung dalam Harga Jualan seperti yang dipersetujui terlebih dahulu.
- q. Pengeluaran sebelum matang separa adalah tidak dibenarkan.
- r. Jika terdapat apa jua ketaktekalan antara bukti fizikal makluman FCTD-i yang dikeluarkan oleh Pelanggan atau keterangan lain dalam apa jua bentuk/deskripsi dan penyata akaun Bank, yang terkemudian akan digunakan berkenaan dengan ketaktekalan tersebut.
- s. Bukti dokumentari FCTD-i yang dikeluarkan oleh Pelanggan tidak boleh digunakan untuk membuat tuntutan terhadap Bank dan sekiranya berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan antara rekod Bank daripada Pelanggan; rekod Bank akan diguna pakai bagi semua maksud dan tujuan.
- t. Bagi tujuan transaksi Komoditi Murabahah dan Terma dan Syarat ini, istilah "Hari Perniagaan" bermaksud hari (tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) yang mana Bank dibuka untuk perniagaan di Malaysia.
- u. Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menjalankan penukaran mata wang bagi pihaknya mengikut mata wang pilihan/dipilih dan sebaliknya. Kadar penukaran yang dipersetujui akan ditentukan oleh Bank pada kadar semasa pada setiap hari.
- v. Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Notis Privasi Kumpulan ABB dan fasal-fasal yang terkandung dalam ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi Kumpulan tersebut akan dianggap telah dimasukkan dengan merujuk kepada Terma dan Syarat ini.

Nota: Walau apa pun yang di atas, apabila Pelanggan memohon untuk mendapatkan versi Bahasa Malaysia maka Bank akan memberikan versi Bahasa Malaysia kepada Pelanggan.